



Laporan Tahunan

**YAYASAN
WAQAF
MALAYSIA**

2020

Sidang Redaksi

PENGERUSI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

KETUA PENGARANG/PENYUNTING
PENGURUS BAHAGIAN PEMASARAN DAN
KORPORAT

PENOLONG PENYUNTING
EKSEKUTIF BAHAGIAN PEMASARAN DAN
KORPORAT

FOTOGRAFI
KOLEKSI YAYASAN WAQAF MALAYSIA

PENYUMBANG MAKLUMAT
BAHAGIAN DASAR DAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN PEMASARAN DAN KORPORAT
BAHAGIAN PENGURUSAN DANA
BAHAGIAN KEWANGAN
BAHAGIAN PENGURUSAN

URUSETIA PENERBITAN
PENGURUS BAHAGIAN DASAR DAN
PEMBANGUNAN
PENGURUS BAHAGIAN PENGURUSAN DANA
PENGURUS BAHAGIAN KEWANGAN
PENGURUS BAHAGIAN PENGURUSAN
EKSEKUTIF KANAN BAHAGIAN DASAR DAN
PEMBANGUNAN
AKAUNTAN BAHAGIAN KEWANGAN
EKSEKUTIF KANAN BAHAGIAN PENGURUSAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR 1 BAHAGIAN
PEMASARAN DAN KORPORAT

SUSUN ATUR
BAHAGIAN PEMASARAN DAN KORPORAT

Cetakan November 2021

Yayasan Waqaf Malaysia, 2021

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3
62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8871 0800
Faks: 03-8861 0803



Isi **KANDUNGAN**

- | | | | |
|-----------|----------------------------------------------|-----------|----------------------------------------------|
| 06 | Perutusan Pengerusi | 83 | Laporan Aktiviti
Undang-undang |
| 08 | Perutusan Ketua Pegawai
Eksekutif | 87 | Laporan Pengurusan
Sumber Manusia |
| 11 | Maklumat Korporat | 95 | Laporan Anak Syarikat |
| 27 | Laporan Operasi Utama | | |

“

Wahai orang-orang yang beriman! Sedekahkanlah sebahagian daripada hasil usahamu yang baik dan sebahagian daripada apa yang telah Kami keluarkan daripada bumi untukmu. Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu keluarkan, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan memejamkan mata (enggan) terhadapnya. Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.

(Al-Baqarah: 267)

KATA-KATA **ALUAN**





Perutusan Pengerusi

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)

“ Ramai masyarakat yang terjejas akibat dari pandemik ini. Bagi membuktikan kesungguhan YWM dalam membantu golongan yang terjejas, Tabung Musa’adah Covid-19 JAKIM – YWM 2.0 diwujudkan bagi membantu golongan yang memerlukan.”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik serta inayahNya, maka Laporan Tahunan 2020 Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dapat diterbitkan dengan jayanya seperti yang dirancang. Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga kerja YWM yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam proses menerbitkan laporan ini.


Saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana diberi kesempatan bersama-sama YWM dalam melaksanakan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Segala usaha itu tidak lain adalah untuk memperkasakan wakaf serta menjadikan YWM sebagai contoh pentadbiran wakaf yang terkehadapan di Malaysia khasnya dan diperingkat antarabangsa amnya.

Tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar kerana negara kita telah berhadapan dengan pandemik Covid-19. Ramai masyarakat yang terjejas akibat dari pandemik ini. Bagi membuktikan kesungguhan YWM dalam membantu golongan yang terjejas, Tabung Musa'adah Covid-19 JAKIM – YWM 2.0 diwujudkan bagi membantu golongan yang memerlukan. Kutipan yang disumbangkan oleh syarikat korporat mahupun individu ini dapat membantu ramai golongan terkesan termasuklah petugas-petugas kesihatan, hospital yang mengendalikan kes Covid-19 serta mangsa banjir di Pantai Timur Malaysia.

Amalan norma baharu kepada semua sektor perkhidmatan bagi mengekang virus ini telah dilaksanakan secara meluas di Malaysia. Saya menaruh harapan yang tinggi agar warga kerja YWM terus komited dalam melaksanakan tugas dan tidak melihat pandemik yang melanda negara ini sebagai satu halangan untuk terus menjayakan agenda YWM dalam menjadikan wakaf sebagai instrumen pemacu ekonomi ummah.

Saya amat berbesar hati dengan penerbitan Laporan Tahunan 2020 YWM ini. Ucapan jutaan terima kasih juga buat semua warga kerja YWM yang telah memberikan komitmen tinggi dan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2020. Semoga usaha-usaha murni YWM dalam membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) memastikan budaya berwakaf terus subur serta mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT.

Sekian, *Wassalam.*



DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

“

Laporan tahunan adalah salah satu ukuran dalam menilai pencapaian YWM secara menyeluruh. Selain itu, segala program dan projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020 turut direkodkan dalam naskhah ini.

”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, YWM sekali lagi telah berjaya meneruskan tradisi menerbitkan Laporan Tahunan YWM bagi tahun 2020.

Laporan tahunan adalah salah satu ukuran dalam menilai pencapaian YWM secara menyeluruh. Selain itu, segala program dan projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2020 turut direkodkan dalam naskhah ini. Walaupun tahun 2020 negara berhadapan dengan Covid-19, perkara ini tidak mematahkan semangat YWM untuk terus menjayakan program yang telah dirancang serta program-program bantuan kepada masyarakat yang terkesan akibat pandemik ini sekaligus mempromosikan YWM sebagai agensi wakaf di peringkat Persekutuan.

Pada 17 Disember 2020, Tabung Perkhidmatan Wakaf Air atau Wakaf Air telah dilancarkan dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Pelaksanaan Wakaf Air ini merupakan pembiayaan alternatif bersifat opsyen yang membantu menyegerakan dan melipat gandakan usaha sedia ada dengan menawarkan pembiayaan projek yang cepat dan mudah. Moga usaha ini dapat membantu ramai pihak yang memerlukan perkhidmatan air bersih.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif YWM, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga YWM kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan setiap program yang direncanakan sepanjang tahun 2020. Pelbagai sumbangan telah diagihkan oleh YWM kepada masyarakat yang terkesan dengan pandemik Covid-19 ini. Penat lelah yang dilalui oleh warga YWM amat saya hargai. Saya juga menyeru supaya setiap warga kerja YWM sentiasa memiliki inspirasi yang tinggi untuk terus melakar kejayaan.

Penerbitan laporan tahunan pada kali ini amat penting dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai konsep wakaf di samping membudayakan amalan 'memberi'. Sebagai agensi wakaf peringkat kebangsaan, saya berharap agar kerjasama erat antara YWM, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan MAIN dalam pembangunan wakaf terus utuh bagi memastikan instrumen wakaf dapat terus diperkasa, selaras dengan visi YWM untuk menjadi peneraju dalam pembangunan wakaf di Malaysia.

Akhir kata, saya dengan seikhlas hati mendoakan kejayaan YWM dalam memastikan segala pengurusan wakaf di Malaysia berjalan dengan lancar serta disinari kegemilangan dan semoga tahun 2021 akan menjadi asbab untuk kita terus berjaya pada masa akan datang, Insya Allah.

Sekian, wassalam.



PROF. MADYA DR. AMIR BIN SHAHARUDDIN
Ketua Pegawai Eksekutif

“

Kamu tidak akan
memperoleh
kebaikan, sebelum
kamu mendermakan
sebahagian daripada
harta yang kamu cintai.
Dan apa-apa pun
yang kamu dermakan,
sesungguhnya, Allah
Maha Mengetahui.

(Ali-Imran: 92)

MAKLUMAT **KORPORAT**



PENGENALAN

Ditubuhkan pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]

VISI

Menjadi peneraju dalam pembangunan wakaf di Malaysia



FUNGSI UTAMA

- Membantu MAIN dalam membangunkan hartaanah wakaf sedia ada, mewujudkan wakaf baru dan membangunkan ekonomi Ummah melalui instrumen wakaf;
- Menjadi pusat rujukan utama mengenai wakaf bagi pihak dalam / luar negara; dan
- Menjadi penghubung dengan pihak wakaf luar negara dan pihak-pihak yang ingin melaksanakan wakaf di Malaysia.



MISI

Kami sentiasa berusaha untuk:

- Menggunakan mekanisme wakaf selari dengan Maqasid Syariah yang keberhasilannya memberi manfaat untuk Ummah sejagat;
- Menjadi pengasas (*trend-setter*) dalam pembangunan wakaf yang akan menjadi rujukan seluruh dunia; dan
- Memaksimakan pembangunan hartaanah wakaf sedia ada dan meminimakan hartaanah wakaf yang tidak dibangunkan.

TERAS STRATEGI

Keterangkuman (Inclusivity)

- i. Meningkatkan kesedaran berwakaf di kalangan masyarakat;
- ii. Memperhebatkan program penerbitan;
- iii. Menyediakan pendidikan awal mengenai wakaf; dan
- iv. Mempelbagaikan medium kutipan wakaf.

Kebersamaan (Togetherness)

- i. Membantu MAIN dalam memperkasakan wakaf; dan
- ii. Meningkatkan kerjasama strategik bersama pihak berkepentingan.

Pengoptimuman Sumber dan Keberkesanan Pengurusan (Optimization of Resources and Efficiency)

- i. Memastikan sumber-sumber kewangan diuruskan secara kos-efektif;
- ii. Memastikan setiap pelaburan dana menjana pulangan yang baik;
- iii. Meningkatkan kompetensi dan kepakaran modal insan dalam industri wakaf; dan
- iv. Menyediakan sistem pengurusan wakaf yang cekap dan berkesan.

Malaysia menjadi *trend-setters* pembangunan wakaf sedunia


Malaysia menjadi pusat rujukan wakaf dunia

Pembangunan wakaf di Malaysia mencapai tahap optimum

JANGKAAN *OUTCOME*



STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

PENGERUSI



**YB Senator Datuk Dr. Zulkifli
bin Mohamad Al-Bakri**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

NAIB PENGERUSI



YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said

Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

AHLI



**YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh
Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Mantan Ahli Majlis Pakar (Syariah)
Jabatan Peguam Negara



**YBhg. Dato' Setia Jaya
Dato' Paduka Syeikh Hasbullah
bin Haji Abdul Halim**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Kedah



**YH. Dato' Ahmad Hairi
bin Hussain**
Setiausaha
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam
Melayu Pahang



**YBhg. Datuk Haji Akbar
bin Haji Samon**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



**YB Datuk Haji Md Rawi
bin Mahmud**
Timbalan Pengurus
Majlis Agama Islam Negeri Melaka



**YBhg. Dato' Mohammad
bin Yacob**
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Wakaf Selangor



YBhg. Dato' Haji Osman bin Muda
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu
Terengganu



YBhg. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood
Jabatan Syariah dan Undang-undang
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



YBrs. Dr. Nirwan bin Noh
Timbalan Ketua Ekonomi
Bahagian Ekonomi
Kementerian Kewangan Malaysia



YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar
Pensyarah Professional
Fakulti Pengurusan
Universiti Multimedia



**YBrs. Tuan Haji Zulkifly
bin Haji Mohd Tahir**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor



**YBrs. Encik Ramlan bin Haji
Awang Ali**
Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Ugama Islam Sabah



**YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin
Dato' Haji Mustafa**
Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan



**YBrs. Encik Shahrul Azam
bin Shaari**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu
Perak



**YBrs. Tuan Haji Mohd Nazim
bin Mohd Noor**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat
Melayu Perlis



**YBrs. Tuan Haji Zulkifle
bin Ab Rahman**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat
Melayu Kelantan

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

PENGERUSI



**YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh
Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Mantan Ahli Majlis Pakar (Syariah)
Jabatan Peguam Negara

AHLI



**Sahibus Samahah Datuk Dr.
Luqman bin Haji Abdullah**
Mufti Wilayah Persekutuan
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan



**YBrs. Prof. Madya Dr. Siti
Mashitoh binti Mahamood**
Jabatan Syariah dan Undang-undang
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



YBrs. Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim
Ketua Pegawai Eksekutif
International Shariah Research Academy for
Islamic Finance (ISRA)



YBrs. Prof. Madya Dr. Aznan bin Hasan
Profesor Madya dan Penasihat Syariah
Institute of Islamic Banking and Finance
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

JAWATANKUASA PELABURAN DAN KEWANGAN

PENGERUSI



YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said

Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

AHLI



YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar

Pensyarah Professional
Fakulti Pengurusan
Universiti Multimedia



YBrs. Dr. Haji Mazlan bin Ahmad

Pengarah Eksekutif
Al Hidayah International Bureau-AHIB dan
D8 Malaysia Foundation



YBrs. Encik Izhar bin Ahmad

Pegawai Ekonomi Kanan
Majlis Ugama Islam dan
Adat Resam Melayu Pahang



**YBrs. Encik Syed Azmi bin Syed
Kamarul Bahrin**

Principal
CSF Corporate Advisory Sdn. Bhd. dan Meridian
Care Capital Berhad

JAWATANKUASA PENGURUSAN

PENGERUSI



YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said

Ketua Pengarah

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

AHLI



YBhg. Datuk Haji Akbar bin Haji Samon

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



YBrs. Encik Mohamad Fauzi bin Md. Isa

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Imigresen Malaysia



YBrs. Encik Adila Sabri bin Muhammad

Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perdana Menteri



YBrs. Puan Nor Hafizah binti Hashim

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

JAWATANKUASA AUDIT

PENGERUSI



YBrs. Dr. Nirwan bin Noh
Timbalan Ketua Ekonomi
Bahagian Ekonomi
Kementerian Kewangan Malaysia

AHLI



YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



YBrs. Dr. Shahrul Azman bin Abd. Razak
Ketua Penolong Pengarah (Kanan)
Seksyen Infrastruktur 1
Unit Kerjasama Awam Swasta



YBrs. Encik Mohd Sabree bin Yaakub
Ketua Penolong Pengarah (Operasi)
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PENGURUSAN TERTINGGI





**Encik Abdul Halim
bin Mat Yusop**

Bahagian Projek dan
Pembangunan Perniagaan


**Cik Haidatul Azia
binti Husin**


Bahagian Pemasaran dan
Penyelarasian

**Puan Hanim Idzura
binti Mohd Kalyubi**

Bahagian Pengurusan Sumber
Manusia

CARTA ORGANISASI





Carta 1: Carta organisasi Yayasan Waqaf Malaysia tahun 2020

SENARAI KAKITANGAN

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



BAHAGIAN PROJEK DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PRODUK WAKAF



BAHAGIAN PEMASARAN DAN PENYELARASAN



BAHAGIAN KEWANGAN DAN KORPORAT



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA






LAPORAN **OPERASI** **UTAMA**



MENGUMPUL DANA WAKAF


A. STRUKTUR PRODUK WAKAF



Carta 2: Struktur produk wakaf


B. KUTIPAN WAKAF TUNAI MALAYSIA

1. Kutipan Keseluruhan Wakaf Bagi Tahun 2020



Carta 3: Jumlah kutipan keseluruhan wakaf bagi tahun 2020

2. Sumber Kutipan Keseluruhan Wakaf Tunai Am Bagi Tahun 2020



Carta 4: Perincian kutipan Wakaf Tunai Am

3. Pecahan Kutipan Wakaf Tunai Sijil



Gambar 1: Sijil Wakaf Tunai Pendidikan, Sijil Wakaf Kesihatan dan Sijil Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi

4. Perincian Kutipan Melalui Kerjasama Bagi Tahun 2020

a. Kerjasama Dengan CIMB Islamic Bank Berhad

PRODUK WAKAF	JUMLAH KUTIPAN(RM)
Wakaf prihatin	13,689.00
Sijil Wakaf Tunai Kesihatan	3,360.00
Sijil Wakaf Tunai Pendidikan	1,660.00
Sijil Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi	400.00

Jadual 1: Jumlah kutipan wakaf melalui CIMB Islamic Bank Berhad

b. Kerjasama Dengan Sun Life Malaysia Takaful Berhad

PRODUK WAKAF	JUMLAH KUTIPAN(RM)
Wakaf Tunai Am	52,950.00

Jadual 2: Jumlah kutipan wakaf melalui Sun Life Malaysia Takaful Berhad

c. Kerjasama Dengan AmMetLife Takaful Berhad

PRODUK WAKAF	JUMLAH KUTIPAN(RM)
Wakaf Tunai Am	1,000.00

Jadual 3: Jumlah kutipan wakaf melalui AmMetLife Takaful Berhad

d. Kerjasama Dengan Bank Rakyat – PINTA

Kutipan	RM56.00
Hibah	RM3,155.70
	RM3,211.70

e. Wakaf Khas, Masjid Palu, Indonesia


**Wakaf Tunai Khas
RM8,017.15**

f. Wakaf Khas Perkhidmatan Air

**Wakaf Tunai Khas
RM129,327.41**


5. Perincian Kutipan Wakaf Tunai Malaysia

a. Kutipan Wakaf Tunai Am



Carta 5: Kutipan keseluruhan Wakaf Tunai Am


b. Kutipan Wakaf Tunai Sijil



Carta 6: Kutipan keseluruhan Wakaf Tunai Sijil

C. KUTIPAN SIJIL WAKAF BANGUNAN

Perincian Kutipan Terkumpul Sehingga 31 Disember 2020




Carta 7: Jumlah kutipan wakaf terkumpul sehingga 31 Disember 2020




D. PENGGUNAAN DANA WAKAF

Agihan Kepada MAIN




E. DANA MANFAAT WAKAF

1. Terimaan Dana Manfaat Wakaf



Carta 9: Perincian terimaan Dana Manfaat Wakaf

2. Penggunaan Dana Manfaat Wakaf



Carta 10: Perincian penggunaan Dana Manfaat Wakaf

3. Maklumat Terimaan dan Penggunaan Keseluruhan Dana Manfaat Wakaf Bagi Tahun 2020



PENGURUSAN HARTANAH – PENGURUSAN HOTEL WAKAF

LAPORAN PENGURUSAN HOTEL-HOTEL WAKAF DI BAWAH YAYASAN WAQAF MALAYSIA BAGI TAHUN 2020

Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Association of Hotelier* (MAH) bertarikh 17 Mac 2020, penularan virus Covid-19 yang melanda negara sejak Januari 2020 memberi kesan yang ketara kepada industri perhotelan negara. Kadar pembatalan tempahan bilik sehingga 16 Mac 2020 telah direkodkan berjumlah 170,085 bilik semalam dengan nilai RM68 juta. MAH turut menjangkakan penurunan permintaan terhadap perkhidmatan hospitaliti di Malaysia untuk bulan-bulan mendatang.

MAH turut meramalkan industri perhotelan negara akan mengalami kerugian berlipat kali ganda pada akhir tahun 2020. Perkara ini turut dikuatkan dengan hasil kaji selidik yang dijalankan oleh MAH pada 16 April 2020, sebanyak 50% hotel dikenal pasti menyatakan hasrat memberhentikan operasi. Sebanyak 15% lagi mempertimbangkan penutupan sepenuhnya dan 35% lagi penutupan sementara.

Pihak Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) turut memberikan pandangan yang sama sebagaimana MAH mengenai isu ini. Sektor pelancongan amat terkesan dan mengalami kemerosotan teruk akibat wabak Covid-19. MATTA mendapati pada bulan Mac 2020, pendapatan sektor pelancongan merosot disebabkan banyak pembatalan tempahan pelancongan sama ada dari dalam dan luar negara disebabkan kawalan pergerakan bukan sahaja di Malaysia malah di beberapa negara utama dunia.


MATTA turut mengunjurkan pemulihan sektor pelancongan negara akan berlaku secara beransur-ansur sehingga ke hujung tahun ini bermula Jun 2020 dan dijangkakan sektor pelancongan akan kembali positif pada tahun hadapan, sekiranya penularan virus Covid-19 dapat diatasi sepenuhnya pada tahun ini.

Hotel-hotel Wakaf di bawah pengurusan YWM tidak terkecuali dan terkesan dengan penularan virus Covid-19. Tambahan pula dengan arahan pihak kerajaan untuk semua bentuk perniagaan yang bukan *essential* tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 sehingga kini telah secara langsung menjelaskan pendapatan dan aliran tunai ketiga-tiga hotel tersebut.

Tambahan pula pendapatan utama Hotel-hotel Wakaf di bulan Ramadhan bergantung kepada jualan pakej berbuka puasa. Namun atas penguatkuasaan PKP, operator hotel terpaksa mengubah suai pakej berbuka puasa secara pandu lalu dan penghantaran yang tidak melebihi 7-10 kilometer radius dari hotel sahaja dibenarkan oleh kerajaan.


HOTEL PANTAI PUTERI (JAWHAR-MAIM), TANJUNG KLING, MELAKA

a. Perbandingan Kadar Purata Penginapan




Carta 11: Kadar purata penginapan tahun 2020 berbanding tahun 2019

b. Perbandingan Kadar Purata Harga Bilik




Carta 12: Kadar purata harga bilik tahun 2020 berbanding tahun 2019

c. Perbandingan Pendapatan Kasar Hotel



Carta 13: Pendapatan kasar hotel tahun 2020 berbanding tahun 2019

d. Perbandingan Perbelanjaan Operasi Hotel



Carta 14: Perbelanjaan operasi hotel tahun 2020 berbanding tahun 2019

e. Maklumat Hotel

Mula Operasi	11 November 2011
Operator	Permata Ayahbonda Holding Sdn. Bhd.
Maklumat bilik / Fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> • 80 bilik <i>superior</i> dan <i>deluxe</i> • 5 bilik eksekutif • 2 bilik ketua rombongan • 3 asrama lelaki • 3 asrama perempuan • 5 bilik Puteri <i>Suite</i> • 5 dewan serbaguna • 1 dewan bankuet • Kolam renang kanak-kanak
Maklumat untuk dihubungi	<p>Alamat Pantai Puteri, Mukim Tanjung Kling, Daerah Melaka Tengah, 76400 Melaka.</p> <p>Nombor Telefon 06-3535555</p> <p>Emel reservation_hotelpantaiputeri@yahoo.com</p> <p>Laman Web www.pantaiputerihotel.com</p> <p><i>Facebook</i> Pantai Puteri Hotel, Melaka</p>


ANTARA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI HOTEL PANTAI PUTERI (JAWHAR-MAIM)



Gambar 2: Sebahagian gambar kemudahan-kemudahan hotel


HOTEL SERI WARISAN (JAWHAR-MAIPK), TAIPING, PERAK

a. Perbandingan Kadar Purata Penginapan




Carta 15: Kadar purata penginapan tahun 2020 berbanding tahun 2019

b. Perbandingan Kadar Purata Harga Bilik




Carta 16: Kadar purata harga bilik tahun 2020 berbanding tahun 2019

c. Perbandingan Pendapatan Kasar Hotel



Carta 17: Pendapatan kasar hotel tahun 2020 berbanding tahun 2019

d. Perbandingan Perbelanjaan Operasi Hotel



Carta 18: Perbelanjaan operasi hotel tahun 2020 berbanding tahun 2019

e. Maklumat Hotel

Mula Operasi	1 Julai 2012
Operator	Sari Budi Hotel & Resort Sdn. Bhd.
Maklumat bilik / Fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> • 24 bilik deluxe single • 10 bilik deluxe twin • 10 bilik famili • 1 dewan bankuet • 6 dewan seminar • Surau • Kafeteria
Maklumat untuk dihubungi	<p>Alamat 2453, Jalan Convent, 34000 Taiping, Perak</p> <p>Nombor Telefon 05-8052312</p> <p>Faks 05-8052382 Sales: 012-5407504</p> <p>Emel sales.theregencytaiping@gmail.com</p> <p>Laman Web www.theregency.com.my</p> <p>Facebook https://www.facebook.com/RegencyHotelSeriWarisan</p> <p>Instagram theregencyseriwarisan</p>

ANTARA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI HOTEL SERI WARISAN (JAWHAR-MAIPK)






Gambar 3: Sebahagian gambar kemudahan-kemudahan hotel


HOTEL GRAND PUTERI (JAWHAR-MAIDAM), KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

a. Perbandingan Kadar Purata Penginapan




Carta 19: Kadar purata penginapan tahun 2020 berbanding tahun 2019

b. Perbandingan Kadar Purata Harga Bilik




Carta 20: Kadar purata harga bilik tahun 2020 berbanding tahun 2019

c. Perbandingan Pendapatan Kasar Hotel



Carta 21: Pendapatan kasar hotel tahun 2020 berbanding tahun 2019

d. Perbandingan Perbelanjaan Operasi Hotel



Carta 22: Perbelanjaan operasi hotel tahun 2020 berbanding tahun 2019

e. Maklumat Hotel

Mula Operasi	1 Mei 2013
Operator	Permata Ayahbonda Holding Sdn. Bhd.
Maklumat bilik / Fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> • 72 bilik superior • 40 bilik superior twin • 26 bilik deluxe twin • 22 bilik deluxe double • 22 bilik deluxe executive • 6 bilik Puteri Suite • 4 bilik Premier Suite • 6 dewan seminar • 2 asrama • Kolam renang • Surau • Kafetaria
Maklumat untuk dihubungi	<p>Alamat PT 3981 Jalan Masjid Abidin Bandar Kuala Terengganu, 20100 Kuala Terengganu</p> <p>Nombor Telefon 09-6215555</p> <p>Faks 09-6251555</p> <p>Emel reservation@grandputerihotel.com info@grandputerihotel.com</p> <p>Laman Web www.grandputerihotel.com</p> <p>Facebook www.facebook.com/GrandPuteriHotel</p> <p>Instagram @grandputerihotel</p>

**ANTARA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI HOTEL GRAND PUTERI
(JAWHAR-MAIDAM)**

Gambar 4: Sebahagian gambar kemudahan-kemudahan hotel

PENCAPAIAN DAN AKTIVITI HOTEL

A. TRAVELLER REVIEW AWARDS 2020

11 Februari - Pengurusan Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM) telah menerima penarafan 8/10 melalui Booking.com bagi Traveller Review Awards 2020.



Gambar 5: Traveller Review Awards 2020

B. SESI LAWATAN FIZIKAL HOTEL GRAND PUTERI (JAWHAR-MAIDAM)

26 Februari – Bagi memastikan semua kemudahan yang disediakan di hotel wakaf berada dalam keadaan baik dan setaraf tiga bintang, satu sesi lawatan fizikal telah dilaksanakan. Sesi lawatan telah diketuai oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) YWM dan turut disertai oleh Puan Nur Syaffina binti Ab. Rahim, Penolong Pengurus Bahagian Kewangan dan Korporat YWM serta Encik Mohd Bokhari bin Mat Doa, Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf YWM.



Gambar 6: Sesi lawatan fizikal Hotel Grand Puteri (JAWHAR-MAIDAM)

C. SESI PEMBUKAAN AUDIT HOTEL

28 Ogos 2020 - Telah berlangsung sesi pembukaan audit bagi pengauditan kewangan hotel oleh Tetuan Azhar Noriza Zainuddin yang dipengerusikan oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM).



Gambar 7: Sesi pembukaan audit hotel

MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN

A. KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN YWM KE PEJABAT KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

2 Februari 2020 – Sesi kunjungan hormat ke pejabat YBhg. Dato' Haji Paimuzi bin Yahya, Ketua Pengarah JAKIM telah dilaksanakan bagi membentangkan hal ehwal pengurusan wakaf di bawah YWM serta mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara agensi agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Delegasi YWM telah diketuai oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM) dan turut disertai oleh Ketua Bahagian dan Eksekutif Bahagian YWM.



Gambar 8: Kunjungan hormat Pengurusan YWM ke Pejabat Ketua Pengarah JAKIM

B. KUNJUNGAN HORMAT PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIDAM

27 Februari 2020 – Sesi kunjungan hormat ke pejabat YBhg. Tuan Haji M. Rozi bin Bidin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM telah dilaksanakan bagi membincangkan hal ehwal pengurusan aset-aset wakaf di bawah pengurusan YWM. Delegasi YWM telah diketuai oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM) dan turut disertai oleh Puan Nur Syaffina binti Ab. Rahim, Penolong Pengurus Bahagian Kewangan dan Korporat YWM serta Encik Mohd Bokhari bin Mat Doa, Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf YWM.



Gambar 9: Kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM

TEMU BUAL PENYELIDIK DARI UNIVERSITI AWAM / SWASTA / INSTITUSI KAJIAN



Tarikh
14 Januari 2020

Kunjungan dari
Pelajar jurusan *Zakat & Waqf Management*
Islamic Economic and Business Faculty,
Institut Agama Islam Negeri Langsa, Aceh

Tajuk kajian
Pengurusan Wakaf YWM



Tarikh
30 Januari 2020

Kunjungan dari
Islamic Finance Practise, The Global University of Islamic Finance (INCIEF)

Tajuk kajian
Cash Waqf as a solution for Humanitarian Aid: A case of Mercy Malaysia



Tarikh
5 Februari 2020

Kunjungan dari
Pelajar *Faculty of Department of Finance*,
Kuliyyah of Economics and Management Sciences,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Tajuk kajian
Cash Waqf Based Micro Financing Model in Selangor State



Tarikh
1 Mac 2020

Kunjungan dari
Pelajar Kuliyyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar (Jabatan Ukur Bahan), UIAM

Tajuk kajian
Introduce to The Processes of Construction Procurement



Tarikh
16 Mac 2020

Kunjungan dari
Pelajar Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan, UIAM

Tajuk kajian
Procurement Procedures Under YWM



Tarikh
27 Ogos 2020

Kunjungan dari
Center for Islamic Philanthropy & Social Finance
(CIPSF) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

Tajuk kajian

Bagaimana Wakaf dapat membantu golongan wanita yang bekerja dalam mengurangkan kos sara hidup khususnya dalam perbelanjaan yang melibatkan perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)



Tarikh
14 September 2020

Kunjungan dari
Calon Phd dari *Department of Urban and Regional Planning, Kulliyah of Architecture and Environmental Design UIAM*

Tajuk kajian
Provision of Maintenance Fund for Waqf Properties



Tarikh
17 September 2020

Kunjungan dari
Calon Phd dari Universiti Sultan Azlan Shah
(USAS)

Tajuk kajian
Kajian Pemasaran Produk Wakaf di YWM



Tarikh
23 Oktober 2020

Temu bual dari
Pelajar Undang-Undang dari Universiti Utara Malaysia (UUM)

Tajuk kajian
Regulatory Framework of Waqf



Tarikh
19 Disember 2020

Temu bual dari
Calon PhD dari *Academy of Contemporary of Islamic Studies UiTM Cawangan Pahang*

Tajuk kajian
The Development of Waqf Banking Product Based of Financial Inclusion in Malaysia

LAWATAN AGENSI DARI DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI TUJUAN KERJASAMA STRATEGIK



Tarikh
23 Jun 2020

Kunjungan dari
CIMB Islamic Bank Berhad



Tarikh
23 Jun 2020

Kunjungan dari
Bahagian Pengurusan Kewangan MAIS



Tarikh
14 Julai 2020

Kunjungan dari
Islamic Relief Malaysia



Tarikh
21 Julai 2020

Kunjungan dari
Wakil Persatuan Ibubapa dan Guru Sekolah Rendah Islam Al-Amin, Keramat, Kuala Lumpur



Tarikh
27 Ogos 2020

Kunjungan dari
Waqaf An-Nur Corporation Berhad



Tarikh
9 September 2020

Kunjungan dari
Waqf Ummah Palestine



Tarikh
14 September 2020

Kunjungan dari
Majlis Dakwah Negara



Tarikh
2 September 2020

Kunjungan dari
TPM Engineering Sdn. Bhd.

Perbincangan
Kerjasama dalam meningkatkan Pembangunan
Wakaf



Tarikh
2 September 2020

Kunjungan dari
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad



Tarikh
17 Disember 2020

Kunjungan dari
Pertubuhan Kebajikan Rumah Pengasih Warga
Prihatin



Tarikh
18 Disember 2020

Kunjungan dari
*Center for Economic and Finance Studies (CfEFS), Faculty of Business and
Management, UiTM Cawangan Selangor*

Perbincangan
Conceptual Framework of Waqff for Elderly Social Support

MELAKSANAKAN PROGRAM PROMOSI WAKAF

PENGENALAN

Dalam usaha memperkenalkan YWM kepada masyarakat, YWM telah menjalankan beberapa program promosi yang berupaya menguar-uar, menyedar dan menyebarluas informasi, produk serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh YWM kepada golongan sasar dengan lebih meluas. Di antara medium yang digunakan melalui media massa, media cetak, media sosial, seminar dan lain-lain.

A. PENYERTAAN PAMERAN

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	ANJURAN	BILANGAN PESERTA
1	13 Januari 2020	Majlis Perhimpunan Agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) Tahun 2020	JAKIM	250
2	23 Februari 2020	Ziarah Kasih Rahmah 2020 Peringkat Zon Utara Sempena Majlis Penyerahan Pangsapuri Wakaf Siti & Hajjah Norijah, Sungai Nibong, Pulau Pinang	YWM	700
3	25 Februari 2020	Kursus Pengenalan dan Pengurusan Wakaf, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Putrajaya	Lembaga Peperiksaan Malaysia	200
4	6 Mac 2020	Program Semarak Mahabbah Volum 1, Masjid Putra, Putrajaya	Masjid Putra	500
5	14 Mac 2020	Jawhar Intellectual Discourse, Felda Chuping, Perlis	JAWHAR	30
6	26 Ogos 2020	Wacana Kesedaran Wakaf: Wakaf Membina Integriti Dan Ekonomi Ummah, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)	MAFI dan JAWHAR	200
7	3-5 September 2020	Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera, Masjid As-Salam Pengkalan Chepa, Kelantan	JAKIM dan Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	700
8	23 September 2020	Program Bicara Integriti (Modul Penerapan Nilai-Nilai Murni), MAFI	MAFI dan JAWHAR	250
9	2 Oktober 2020	Ceramah Nilai-Nilai Murni KBS 2020, Kementerian Belia Dan Sukan	Kementerian Belia dan Sukan Putrajaya	150
JUMLAH				2,980

Jadual 4: Program pameran sepanjang tahun 2020




Gambar 10: Sebahagian gambar semasa menyertai pameran bagi tahun 2020


B. TAKLIMAT PRIHATIN WAKAF

BIL	TARIKH	TAJUK	ANJURAN	BILANGAN PESERTA
1	25 Februari 2020	Kursus Pengenalan dan Pengurusan Wakaf	Lembaga Peperiksaan Malaysia, Putrajaya	50
2	14 Mac 2020	JAWHAR Intellectual Discourse	Felda Chuping, JAWHAR	30
3	18 April 2020	Webinar 'Mengenal Lebih Dalam Sistem Wakaf di Malaysia'	Forum Silaturrahmi Studi Ekonomi Islam (Fossei), Indonesia	136
4.	3 Jul 2020	Ceramah Wakaf: Kepentingan Wakaf Dalam Memperkasa Institusi Pendidikan Tinggi	UITM Cawangan Negeri Sembilan	50
5	26 Ogos 2020	Wacana Kesedaran Wakaf: Wakaf Membina Integriti Dan Ekonomi Ummah	MAFI, Putrajaya	200
6.	7 Oktober 2020	International Webinar on Waqf Serumpun	Tazkia Islamic University College, Waqf Center for Indonesian Development and Studies (WaCIDS)	150
7.	24 November 2020	Regulatory Framework for Waqf in Malaysia	Universiti Utara Malaysia	79
8.	16 Disember 2020	Zakat, Sedekah dan Waqaf	Sekolah Menengah Sains Banting	50
9.	18 Disember 2020	Pengenalan Kepada YWM dan Kepentingan Wakaf	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	60
JUMLAH				805

Jadual 5: Program Taklimat Prihatin Wakaf sepanjang tahun 2020



Gambar 11: Sebahagian gambar program Taklimat Prihatin Wakaf sepanjang tahun 2020



Gambar 12: Sebahagian gambar program Taklimat Prihatin Wakaf sepanjang tahun 2020

C. WEBINAR PRIHATIN WAKAF

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM	ANJURAN
1	24 November 2020	Ke Mana Hala Tuju Wakaf Negara?	YWM & JAWHAR
2	25 November 2020	Webinar Instrumen Kewangan Islam untuk Impak Sosial yang Lebih Berkesan	Bank Islam Malaysia Berhad & Sadaqa House
3	26 November 2020	Yayasan Waqaf Malaysia: Mendepani Cabaran-Cabaran Pengurusan Wakaf di Malaysia	YWM & UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
4	3 Disember 2020	Webinar Sinergi Zakat dan Wakaf Dalam Pendidikan: Cabaran Mendepani COVID-19	Lembaga Zakat Negeri Kedah

Jadual 6: Program Webinar Prihatin Wakaf sepanjang tahun 2020



Gambar 13: Sebahagian gambar program Webinar Prihatin Wakaf sepanjang tahun 2020

D. PROGRAM SANTUNI MASYARAKAT

1. AGIHAN DANA MANFAAT WAKAF

BIL	PENERIMA	SUMBANGAN	TARIKH	JUMLAH (RM)
1	Badan Kebajikan Dan Pendidikan Pelajar Miskin Malaysia	Cermin mata	10 Februari 2020	2,990.00
2	Pertubuhan Khidmat Masyarakat Cacat Penglihatan Malaysia, Kuala Lumpur	Tunai	10 Februari 2020	2,000.00
3	Pertubuhan Asnaf Kelantan	Tunai	10 Februari 2020	4,000.00
4	Qaryah Masjid Jamek Batu Uban, Gelugor	Karpet	20 Februari 2020	5,000.00
5	Surau Nur Idaman, Seksyen 5, Bandar Baru Bangi, Selangor	Rak Al-Quran	13 Mac 2020	2,000.00
6	Pertubuhan Kebajikan Dan Sosio Ekonomi Orang Kurang Upaya Daerah Sik	5 unit kerusi roda dan 10 unit tongkat	17 Mac 2020	3,800.00
7	Madrasah Tahfiz Az-Zein, Seremban	60 unit rehal dan 3 rak simpanan rehal	17 Mac 2020	5,100.00
8	Persatuan Penduduk PPR Seri Alam, Kuala Lumpur	Barangan keperluan asas	10 April 2020	15,200.00
9	Hospital Sungai Buloh	Peralatan dan kemudahan perubatan	10 April 2020	24,880.00
10	Maahad Turath Baitussaadah, Damansara	Islam Kota 150 unit Al-Quran	6 Julai 2020	7,500.00
11	10 Peniaga di Kuala Lumpur	Bantuan perniagaan YWM	14 September 2020	50,000.00
JUMLAH KESELURUHAN SUMBANGAN				122,470.00

Jadual 7: Program agihan Dana Manfaat Wakaf sepanjang tahun 2020

2. AGIHAN DANA BANTUAN SEGERA

BIL	PENERIMA	TUJUAN	TARIKH SUMBANGAN DISALURKAN	JUMLAH (RM)
1	Encik Muhammad Noor	Bantuan kewangan akibat kebakaran	9 Mac 2020	1,000.00
2	Puan Siti Nor Fatiin Fazzy binti Yahuzi	Bantuan sara hidup	29 April 2020	500.00
3	Encik Nordin bin Ahmad	Bantuan sewa rumah	22 Mei 2020	1,000.00
4	Puan Hasnah binti Harun	Bantuan sara hidup	1 Jun 2020	500.00
5	Puan Popon Susilawat	Bantuan sewa rumah	9 Jun 2020	500.00
6	Puan Devi A/P Ram Krishnan	Bantuan sara hidup	9 Jun 2020	500.00
7	Encik Kamaruddin bin Salleh	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	17 Jun 2020	1,000.00
8	Encik Mohd Lutfi bin Agus Salim	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	17 Jun 2020	1,000.00
9	Puan Fatin Adilah binti Anuar	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	17 Jun 2020	1,000.00
10	Encik Ahmad Zaki bin Udah	Bantuan kewangan akibat kebakaran	17 Jun 2020	1,000.00
11	Encik Salim bin Sungah	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	9 Julai 2020	500.00
12	Encik Zainal Arifin bin Atmojo	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	9 Julai 2020	500.00
13	Encik Che Mohd Johari bin Che Soh	Bantuan sewa rumah	20 Julai 2020	500.00
14	Encik Sharul Azmi bin Zanuddin	Bantuan kewangan akibat kebakaran	13 Ogos 2020	1,000.00
15	Encik Mohamad Zamri bin Ghazali	Bantuan sara hidup	13 Ogos 2020	1,000.00
16	Encik Muhammad Nur Adlin Adam	Bantuan kewangan akibat kebakaran	21 Ogos 2020	1,000.00
17	Puan Nor Amira binti Amiruddin	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	28 September 2020	1,000.00
18	Encik Azlan bin Abdul Majid	Bantuan kewangan akibat kebakaran	1 Oktober 2020	1,000.00
19	Encik Wan Najmuddin bin Wan Mohd Noh	Bantuan sara hidup	12 Oktober 2020	1,000.00
20	Puan Zaleha binti Mustafa	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	21 Oktober 2020	1,000.00
21	Puan Nur Atiqah binti Md. Arif	Bantuan sara hidup	21 Oktober 2020	1,000.00
22	Encik Khairulanwar	Bantuan sara hidup	26 Oktober 2020	500.00
23	Puan Marina Lozada	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	27 Oktober 2020	500.00

BIL	PENERIMA	TUJUAN	TARIKH SUMBANGAN DISALURKAN	JUMLAH (RM)
24	Puan Nor Akma Aini binti Azmee	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	7 November 2020	1,000.00
25	Encik Azrai bin Othman	Bantuan kewangan akibat penyakit kronik	7 November 2020	1,000.00
JUMLAH KESELURUHAN SUMBANGAN				20,500.00

Jadual 8: Program agihan Dana Bantuan Segera sepanjang tahun 2020



Gambar 14: Sumbangan Dana Manfaat Wakaf YWM sebanyak RM5,000.00 disampaikan oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof kepada Penggerusi Masjid Jamek Batu Uban, Encik Syeikh Abdul Aziz bin Syeikh Muhammad



Gambar 15: Sumbangan 60 unit rehal dan 3 rak rehal kepada Madrasah Tahfiz Az-Zein, Seremban, Negeri Sembilan



Gambar 16: Sumbangan 10 tongkat dan 5 kerusi roda kepada Pertubuhan Kebajikan dan Sosio Ekonomi Orang Kurang Upaya di Daerah Sik, Kedah



Gambar 17: Agihan Dana Manfaat Wakaf YWM kepada penduduk PPR Seri Alam, Sungai Besi, Kuala Lumpur



Gambar 18: Agihan Dana Manfaat Wakaf YWM kepada Hospital Sungai Buloh, Selangor

3. AGIHAN DANA PROGRAM CSR PRIHATIN YWM

a. TABUNG WAKAF BENCANA COVID-19

BIL	TARIKH	PENERIMA/TUJUAN	NILAI (RM)
1	15 April 2020	100 penerima paket makanan di sekitar Kuala Krai, Kelantan	5,000.00
2	16 April 2020	66 penerima paket makanan di sekitar Ipoh, Perak	3,300.00
3	17 April 2020	100 penerima paket makanan di sekitar Kuantan, Pahang	4,850.00
4	22 April 2020	40 penerima sekitar Presint 11, Putrajaya dan 107 penerima Badan Kebajikan Khairat Kematian Taman Jasmin, Kajang, Selangor	7,350.00
5		41 penerima paket makanan di sekitar Baling, Kedah	2,050.00
6	28 April 2020	61 penerima paket makanan di sekitar Kampung Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor	3,035.85
7		100 penerima paket makanan kepada ahli Persatuan Jihad Ekonomi Melayu (PJEM)	5,000.00
8	04 Mei 2020	100 penerima paket makanan kepada bukan warganegara di sekitar Kampung Paya Jaras, Selangor	5,000.00
9	05 Mei 2020	108 penerima paket makanan di sekitar Batu Pahat, Johor	5,400.00
10	06 Mei 2020	100 penerima paket makanan kepada OKU Buta di bawah Yayasan Orang Buta Malaysia, 41 penerima di sekitar Presint 14 dan 40 penerima di sekitar Presint 9, Putrajaya	8,942.75
11	08 Mei 2020	100 penerima paket makanan kepada bukan warganegara di sekitar Kampung Paya Jaras, Selangor	5,000.00
12	12 Mei 2020	5 penerima paket makanan kepada kakitangan Pengurusan Fasiliti Kompleks Islam, Putrajaya	500.00
13	13 Mei 2020	1 penerima paket makanan di Semenyih, Selangor	198.10
14	14 Mei 2020	100 penerima paket makanan di sekitar Taman Sri Mahkota Aman, Kuantan, Pahang	10,000.00
15	15 Mei 2020	100 penerima paket makanan kepada asnaf sekitar Nilai, Negeri Sembilan	10,000.00
16		3 penerima paket makanan kepada warganegara dan 25 bukan warganegara	1,400.00
17	18 Mei 2020	18 penerima paket makanan kepada warga Sabah yang bekerja di sekitar Selangor, 12 penerima yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur dan 10 penerima yang bekerja di sekitar Johor	4,000.00
18		36 penerima paket makanan di Cheria Heights Apartment	3,600.00
19		Sumbangan paket makanan kepada penghuni Rumah PENGASIH Malaysia	10,000.00

BIL	TARIKH	PENERIMA/TUJUAN	NILAI (RM)
20		100 penerima pek makanan kepada asnaf di sekitar Tanjung Malim, Perak	10,000.00
21	19 Mei 2020	100 penerima tunai kepada keluarga pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3, Bangi, Selangor	10,000.00
22		105 penerima pek makanan kepada asnaf di sekitar Kuantan, 30 penerima asnaf di sekitar Kampung Temai Pekan dan 65 penerima asnaf di sekitar Bukit Kenau, Pekan, Pahang	19,980.00
23		9 penerima pek makanan di Kepong, Kuala Lumpur dan 1 penerima di Presint 14, Putrajaya	500.00
24		70 penerima pek makanan di Pangsapuri Putra Ria, Kuala Lumpur	7,200.00
25	20 Mei 2020	12 penerima pek makanan di sekitar Park Avenue, Seremban 2, Negeri Sembilan	1,000.00
26		132 penerima pek makanan kepada keluarga pelajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Gasing, Marang, Terengganu	13,200.00
27		100 penerima tunai di sekitar Bachok, Kelantan	10,000.00
28		155 penerima pek makanan di sekitar Paloh, Gua Musang, Kelantan	15,500.00
29	21 Mei 2020	2 penerima pek makanan di sekitar Manjung, Perak dan 1 penerima di Kota Bharu, Kelantan	185.55
30		2 penerima pek makanan di sekitar Kepong, Kuala Lumpur dan 1 penerima di Kajang, Selangor	420.25
31		500 penerima tunai di sekitar Kota Bharu, Kelantan	50,000.00
32	22 Mei 2020	36 penerima tunai kepada ahli Persatuan Veteran Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur	3,600.00
33		61 penerima pek makanan di sekitar Pendang, Kedah	6,100.00
34	28 Mei 2020	45 penerima tunai kepada keluarga pelajar Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah (SERATAS), Taiping, Perak	4,500.00
35		263 penerima tunai kepada pelatih Akademi Kulinari Terengganu, Terengganu	26,300.00
36	29 Mei 2020	50 penerima pek makanan kepada ahli kariah Kampung Perlis Bayan Lepas, Pulau Pinang	5,000.00
37	4 Jun 2020	50 penerima pek makanan di sekitar PPR Pinggiran Bukit Jalil, Kuala Lumpur	5,000.00
38	4 Jun 2020	50 penerima pek makanan di sekitar Desa Ayer Hitam, Puchong, Selangor	5,000.00
39	11 Jun 2020	71 penerima pek makanan di sekitar Taman Jinjang Baru dan 122 penerima di sekitar PPR Pekan Kepong, Selangor	18,300.00
40	12 Jun 2020	100 penerima pek makanan di sekitar Taman Seri Pagi, Senawang, Negeri Sembilan	10,000.00

BIL	TARIKH	PENERIMA/TUJUAN	NILAI (RM)
41	17 Jun 2020	100 penerima paket makanan di sekitar Kompleks Pertubuhan Kebajikan Al-Muhibbin, Melaka	10,000.00
42		1 penerima paket makanan di Kajang, Selangor dan 1 penerima di Ipoh, Perak	92.95
43	19 Jun 2020	200 penerima paket makanan di sekitar Batu Pahat, Johor	20,000.00
44	25 Jun 2020	100 penerima paket makanan di sekitar Seri Layang Jaya, Rembau, Negeri Sembilan	10,000.00
45	26 Jun 2020	100 penerima paket makanan di sekitar Teluk Air Tawar, Pulau Pinang dan 200 penerima keluarga pelajar Sekolah Kebangsaan Kuala Kuang	30,000.00
46	9 Julai 2020	Peralatan dan kemudahan perubatan Hospital Sungai Buloh, Selangor	3,415.00
47	11 Julai 2020	50 penerima paket makanan kepada asnaf di sekitar Rembia dan 50 penerima di sekitar Pantai Kundor, Melaka	5,000.00
48	19 Julai 2020	100 penerima paket makanan kepada asnaf di sekitar Kuala Nerus, 100 penerima di sekitar Marang dan 50 penerima di sekitar Pulau Redang	25,000.00
49	3 September 2020	100 penerima paket makanan kepada asnaf di Pengkalan Chepa, Kelantan	5,000.00
50	18 September 2020	100 penerima paket makanan kepada asnaf di bawah pengurusan Anjung Pendidikan Anaf, Sandakan, Sabah	5,000.00
51	28 September 2020	83 penerima paket makanan kepada asnaf di sekitar Kampung Serusup, 7 penerima di Tuaran dan 110 di Pulau Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah	9,200.00
52	8 November 2020	250 penerima paket makanan di sekitar Kuala Pilah, Negeri Sembilan	12,500.00
53	10 November 2020	100 penerima paket makanan kepada mangsa banjir di Hulu Langat, Selangor	5,000.00
54	9 Disember 2020	3 penerima tunai di sekitar Kuala Lumpur, 1 penerima di Selangor, 1 penerima di Terengganu dan 1 penerima di Pulau Pinang	3,000.00
55	21 Disember 2020	Sumbangan Kewangan Infaq Hand Sanitizer kepada Pertubuhan Intelek dan Graduan Kelantan	2,000.00
56	23 Disember 2020	50 penerima paket makanan kepada ahli kariah Masjid Teluk Junus, Kota Setar, Kedah dan 100 penerima asnaf/ OKU di Seberang Perai, Pulau Pinang	7,500.00
57	29 Disember 2020	62 penerima paket makanan kepada saudara baru (Muallaf) di bawah Pengurusan PERKIM Cawangan Ujong Pasir, Melaka	3,100.00
58		Perbelanjaan lain	1,337.20
JUMLAH KESELURUHAN SUMBANGAN			473,557.65

Jadual 9: Program Tabung Wakaf Bencana Covid-19 sepanjang tahun 2020



Gambar 19: Sebahagian gambar Program Tabung Wakaf Bencana Covid-19 sepanjang tahun 2020



Gambar 20: Sebahagian gambar program Tabung Wakaf Bencana Covid-19 sepanjang tahun 2020

b. TABUNG MUSA'ADAH COVID-19 JAKIM-YWM

BIL	TARIKH	PENERIMA	NILAI (RM)
1	5 Ogos 2020	Maahad Tahfiz Al-Quran, Masjid Lama, Perak	20,000.00
		Madrasah Tahfiz Al-Quran Tuan Guru Haji Abd Ghani, Bota, Perak	20,000.00
		Masjid Fadlullah Teluk Ketapang, Bota, Perak	5,000.00
		Sekolah Kebangsaan Teluk Bakong, Lambor Kanan, Bota, Perak	5,000.00
2	7 Ogos 2020	Guru Takmir sempena Program Konvensyen Guru Takmir peringkat zon utara tahun 2020	8,500.00
3		Madrasah Tahfiz Al-Fath Kampung Bukit Sawah, Johor	20,000.00
4		Pusat Asuhan Tunas Islam Nurul Hannani, Tawau, Sabah	20,000.00
5	2 September 2020	Asnaf di Pengkalan Chepa, Kelantan	10,000.00
		Asnaf di Kota Kinabalu, Sabah	10,000.00
		Multaqa' Murabbi Ummah Peringkat Negeri Sabah	21,000.00
8		Maahad Tahfiz Al-Quran Waddin Ibadah Mukmin, Pekan, Pahang	30,000.00
9	10 September 2020	Madrasah Darul Ehyail Maarif, Jerantut, Pahang	60,000.00
		Darul Uloom Al Islamiah, Jerantut, Pahang	30,000.00
11	18 September 2020	44 orang OKU dari Pertubuhan Kebajikan OKU Autisme, Selangor	22,000.00
12		200 orang Asnaf di Kampung Mesilau, Kundasang, Sabah	20,000.00
13	22 September 2020	Asnaf di Masjid Bandaran, Kota Kinabalu, Sabah	20,000.00
14		Asnaf di Kampung Kepungit, Kota Kinabalu, Sabah	15,000.00
15	1 Oktober 2020	Golongan B40 Sarawak	197,000.00
16	14 Oktober 2020	Anggota Koperasi Wanita Islam Kelantan (KOWANIS)	5,000.00
17		Pertubuhan Anugerah Kasih Malaysia	5,000.00
18		Keluarga saudara kita Persatuan Cina Muslim Sabah	40,000.00
19	2 November 2020	Murid-murid B40 Sekolah Kebangsaan Kuang, Rawang, Selangor	10,000.00
20	20 November 2020	Tabung Pembinaan 4 Buah Masjid Di Palu, Sulawesi Tengah, Indonesia	74,412.27

BIL	TARIKH	PENERIMA	NILAI (RM)
21	27 November 2020	Penduduk setempat di Semporna, Sabah	10,000.00
22		Guru, murid KAFA dan penggerak masyarakat saudara kita Negeri Sabah yang positif COVID-19	2,100.00
23	3 Disember 2020	Sekolah dan pelajar Sekolah Menengah Agama (Orang Asli) Nurul Hidayah, Kenang, Sungai Siput (U), Perak	30,000.00
24		Warga OKU melalui Program Pasca COVID-19	50,000.00
25	22 Disember 2020	Kakitangan JAKIM di Sabah yang dijangkiti COVID-19	900.00
26		Program Kempen Kesedaran mencegah penularan COVID-19	2,000.00
27		Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur	20,000.00
28		Bantuan kecemasan bencana banjir Kubu Gajah, Perak	20,000.00
29	23 Disember 2020	Program bantuan persekolahan <i>Back to School</i> bagi anak-anak pelajar miskin	2,000.00
30		Program 'KOME JAGA KOME' Hestech Negeri Perak	5,000.00
31	-	Perbelanjaan lain	411.15
JUMLAH KESELURUHAN SUMBANGAN			810,323.42

Jadual 10: Program Tabung Musa'adah Covid-19 JAKIM-YWM sepanjang tahun 2020



Gambar 21: Sebahagian gambar program Tabung Musa'adah Covid-19 JAKIM-YWM sepanjang tahun 2020

ZIARAH KASIH RAHMAH 2020 (ZIKIR '20) PERINGKAT ZON UTARA DI SEKITAR PULAU PINANG PADA 22-23 FEBRUARI 2021 SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN KUNCI PANGSAPURI WAKAF SITI & HAJjah NORIJAH KEPADA ASNAF

PULAU PINANG, 23 Februari - Ziarah Kasih Rahmah 2020 (ZIKIR '20) merupakan salah satu Program 3D iaitu Dekat, Didik, Dakwah yang bertepatan dengan konsep Malaysia Negara Rahmah yang telah diperkenalkan dengan tujuan utama mendekati masyarakat setempat melalui konsep turun padang dan bersemuka dengan harapan setiap masyarakat merasai keprihatinan Kerajaan terhadap hidup mereka. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri.

PERINCIAN PROGRAM

PROGRAM	MAKLUMAT
Tarikh / Masa / Lokasi Perasmian	<ul style="list-style-type: none"> a. 22 – 23 Februari 2020 b. 8.00 pagi – 8.30 malam; dan c. Sekitar Pulau Pinang
Dif Kehormat	<ul style="list-style-type: none"> a. YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama); b. YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; c. YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Ketua Pengarah JAWHAR; d. Encik Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang; dan e. Encik Tuan Kamarul Arief bin Tuan Soh, Ketua Pegawai Eksekutif YADIM.
Anjuran	<ul style="list-style-type: none"> a. Agensi-agensi Agama di bawah JPM iaitu YWM (urusetia), YaPEIM, JAWHAR, dan YADIM; b. Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP); dan c. Pusat Zakat Pulau Pinang.
Rakan Strategik Penganjuran	<ul style="list-style-type: none"> a. Pejabat Agama Islam Negeri Pulau Pinang; b. Majlis Bandaraya Pulau Pinang; c. Polis Diraja Malaysia (Ibupejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang); d. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Cawangan Timur Laut); e. RELA (Kawasan Timur Laut dan Barat Daya); f. Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Malaysia (USM); g. Pusat Islam USM; h. AJK Masjid USM; dan i. Sekretariat RAHMAH USM.
Aktiviti Sepanjang Program	<ul style="list-style-type: none"> a. Kayuhan Prihatin Wakaf; b. Wakaf i Care YWM dan Program Foodbank YaPEIM; c. Gotong Royong Rahmah; d. Cuci-Cuci Masjid; e. Tazkirah Maghrib dan Subuh; dan f. Pameran
Penglibatan	2,500 orang terdiri daripada urusetia, penerima sumbangan, sukarelawan, pengunjung pameran, pemamer dan petugas keselamatan

PROGRAM	MAKLUMAT
Aktiviti 1: Kayuhan Prihatin Wakaf	<ul style="list-style-type: none"> a. 60 peserta terdiri daripada kakitangan PZPP, YWM, YADIM, YaPEIM dan peserta kayuhan sekitar Pulau Pinang; b. Kayuhan bermula di Masjid Al Malik Khalid USM dan berakhir di Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah, Sungai Nibong dengan anggaran jarak kayuhan sejauh 15KM; c. Terdapat satu perhentian kayuhan iaitu di Masjid Jamek Batu Uban dan sekitar Kampung Batu Uban (5 buah rumah Asnaf) untuk bersama-sama menyampaikan Sumbangan Wakaf i Care dan Program Foodbank YaPEIM; dan d. YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof turut bersama-sama menyampaikan Sumbangan Dana Manfaat Wakaf YWM bernilai RM5,000.00 kepada Pengurus Masjid Batu Uban, Encik Syeikh Abdul Aziz bin Syeikh Muhammad.
Aktiviti 2: Wakaf i Care YWM dan Program Foodbank YaPEIM	<ul style="list-style-type: none"> a. 100 penerima; b. Barang sumbangan merupakan barang makanan kering seperti beras, minyak, biskut, kopi, gula dan sebagainya; c. Disumbangkan oleh YWM (di bawah Program Wakaf i Care), YaPEIM (di bawah Program Foodbank YaPEIM), Sumbangan YADIM dan Sumbangan Pusat Zakat Pulau Pinang; dan d. Penerima sumbangan adalah seramai 5 orang di rumah-rumah yang telah dikenalpasti oleh pihak PZPP dan 95 orang di Pangsapuri Wakaf Siti dan Hajjah Norijah.
Aktiviti 3: Gotong Royong Rahmah	<ul style="list-style-type: none"> a. Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Batu Uban; b. Sukarelawan seramai 40 orang terdiri daripada pelajar dari USM, 40 orang RELA Kawasan Timur Laut dan 50 orang penduduk kampung; dan c. Pembersihan melibatkan kawasan berkeluasan 1 ekar.
Aktiviti 4: Cuci-Cuci Masjid	<ul style="list-style-type: none"> a. Dilaksanakan oleh YADIM di Masjid Jamek Batu Uban; b. Melibatkan sukarelawan seramai 10 orang terdiri daripada kakitangan YADIM dan penduduk kampung; dan c. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan masjid, tempat wuduk dan tandas masjid.
Aktiviti 5: Tazkirah Maghrib dan Subuh	<ul style="list-style-type: none"> a. Dilaksanakan oleh JAWHAR di 4 buah masjid; b. Tazkirah Maghrib diadakan di Masjid Jamek Batu Uban dan Surau An-Nur Lebuh Nipah; c. Tazkirah Subuh diadakan di Masjid Al Malik Khalid USM dan Masjid At-Taqwa Taman Tun Sardon; dan d. Tazkirah bertajuk Kesedaran Penipuan Paket Umrah yang disampaikan sendiri oleh pegawai JAWHAR.
Aktiviti 6: Pameran	Terdapat 22 jumlah keseluruhan pameran di mana 18 pameran adalah terdiri daripada agensi perkhidmatan antaranya YWM, MAINPP, JAWHAR, YaPEIM, PEKA B40, dan PICOMS dan 4 daripadanya gerai jualan asnaf di bawah Pusat Zakat Pulau Pinang.



Gambar 22: Sebahagian gambar program ZIKIR '20 Peringkat Zon Utara di sekitar Pulau Pinang

PENYERAHAN REPLIKA CEK SUMBANGAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN KEPADA HOSPITAL SUNGAI BULOH BERNILAI RM300,080.00

PUTRAJAYA, 16 April - YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaari, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mewakili YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Penggerusi YWM dengan diiringi oleh YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Penggerusi YWM telah menyerahkan peralatan dan kelengkapan bagi Hospital Sungai Buloh bernilai RM300,080.00 kepada YB Dato' Seri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan Malaysia.

Peralatan dan kelengkapan tersebut berupa 100 set katil pesakit berserta tilam, 160 unit tilam tambahan, 50 unit loker berkunci empat pintu dan 50 unit *magnetic whiteboard* yang dibiayai melalui Dana Wakaf Tunai Malaysia dan 400 unit bantal, 20 unit mesin pencetak dan 35 unit cerek elektrik yang dibiayai melalui Dana Manfaat Wakaf.



Gambar 23: Sebahagian gambar penyerahan replika cek sumbangan peralatan dan kelengkapan kepada Hospital Sungai Buloh

PENYERAHAN REPLIKA CEK SUMBANGAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN KEPADA HOSPITAL TENKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG, SELANGOR BERNILAI RM634,400.00

PUTRAJAYA, 11 Jun - YB Tuan Haji Ahmad Marzuk bin Shaari, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) mewakili YB Senator Datuk YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkup Pengerusi YWM dengan diiringi oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM) telah menyerahkan peralatan dan kelengkapan bagi Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang bernilai RM634,400.00 kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia II. Turut hadir, Tuan Haji Ruslan bin Said, Ketua Pengarah JAWHAR merangkup Naib Pengerusi YWM.

Peralatan dan kelengkapan yang telah disumbangkan adalah satu unit *Vital Sign Monitor*; satu unit *Portable Vital Sign Monitor with SPO2 and ETCO2*; enam unit *Vital sign Monitor with SPO2*, satu unit *Portable Ventilator*; satu unit *Defibrillator*; satu unit *Portable Ultrasound (3 Probes)*, lapan unit *Infusion pump*; dua unit *ECG machine*, satu unit *ISOPOD Negative Pressure Patient Transfer System with filter*; dua unit *Negative Pressure for Isolation Room*, dan tiga unit *Powered Air-Purifying Respirator (PAPR) with filter*. Kesemua peralatan tersebut dibiayai menggunakan Dana Wakaf Tunai Malaysia YWM.



Gambar 24: Sebahagian gambar penyerahan replika cek sumbangan peralatan dan kelengkapan kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor

PENYERAHAN SUMBANGAN WAKAF PERALATAN DAN KELENGKAPAN KEPADA HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG, SELANGOR

KLANG, 9 Julai - YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengurus YWM bersama delegasi yang disertai oleh YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Pengurus YWM, Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM), YBrs. Tuan Haji Zabidi bin Nasan, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Taqwa MAIWP dan Encik Hairolanuar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Wakaf JAWHAR telah mengadakan lawatan kerja dan pada masa yang sama turut menyampaikan sumbangan wakaf berbentuk peralatan perubatan dan kelengkapan hospital dalam membantu menangani krisis wabak Covid-19.

Sumbangan berbentuk peralatan perubatan seperti *Portable Vital Sign Monitor*, *Portable Ultrasound Machine*, *Portable Ventilator*, *ECG Machine* dan lain-lain ini bernilai RM634,400.00. Pembelian kesemua peralatan ini adalah menggunakan dana wakaf daripada Skim Wakaf Tunai YWM. Sebagai simbolik kepada majlis penyampaian sumbangan ini, YB Menteri telah menyerahkan sumbangan *mock cheque* berjumlah RM634,400.00 kepada YBhg. Datin Paduka Dr. Hasni binti Hanapi, Pengarah HTAR. YB Menteri di JPM juga turut menyerahkan Garis Panduan Umum Pengurusan Aset Wakaf kepada Pengarah HTAR.

YB Menteri juga turut berkesempatan melawat wad isolasi Covid-19 daripada luar dan melihat sendiri simulasi pengurusan pesakit Covid-19 di Wad Kecemasan HTAR dengan menggunakan peralatan-peralatan yang telah disumbangkan oleh YWM. Di sini delegasi dapat melihat dengan lebih dekat bagaimana situasi sebenar yang dihadapi oleh para *frontliners* dalam merawati pesakit Covid-19 dan bagaimana peralatan-peralatan yang disumbangkan amatlah membantu para *frontliners* dan pesakit.



Gambar 25: Sebahagian gambar penyerahan sumbangan wakaf peralatan dan kelengkapan kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor

PENYERAHAN SUMBANGAN WAKAF PERALATAN DAN KELENGKAPAN KEPADA HOSPITAL SUNGAI BULOH, SELANGOR

SUNGAI BULOH, 9 Julai - YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengurus YWM bersama delegasi yang disertai oleh YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Ketua Pengarah JAWHAR merangkap Naib Pengurus YWM, Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM), YBrs. Tuan Haji Zabidi bin Nasan, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Taqwa MAIWP dan Encik Hairolanuar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Wakaf JAWHAR telah mengadakan lawatan kerja dan pada masa yang sama turut menyampaikan sumbangan wakaf berbentuk keperluan kelengkapan hospital dalam membantu menangani krisis wabak Covid-19.

Sumbangan berbentuk keperluan hospital seperti katil beserta tilam hospital, tilam tambahan, loker berkunci dan *magnetic white board* adalah bernilai RM275,200.00 adalah menggunakan dana wakaf tunai. Manakala bagi pemberian sumbangan barang seperti mesin pencetak, bantal dan cerek elektrik bernilai RM24,880.00 menggunakan Dana Manfaat Wakaf YWM.

Sumbangan ini merupakan salah satu inisiatif Program Musaadah Covid-19 yang telah dilancarkan oleh YB Menteri pada 19 Mac 2020 yang lalu. Sebagai simbolik kepada majlis penyampaian sumbangan ini, YB Menteri telah menyerahkan sumbangan *mock cheque* beserta Garis Panduan Umum Pengurusan Aset Wakaf kepada YBrs. Dr. Kuldip Kaur A/P Prem Singh, Pengarah Hospital Sungai Buloh.

YB Menteri juga turut melawat ke lokasi penempatan peralatan sumbangan yang digunakan oleh pesakit Covid-19 di Communal Home, Pusat Kawalan Kusta Negara. Semoga sumbangan ini menjadi titik permulaan bagi semua lapisan masyarakat untuk turut bersama-sama merancakkan lagi amalan berwakaf di Malaysia tidak kira sama ada di YWM atau di MAIN.



Gambar 26: Sebahagian gambar penyerahan sumbangan wakaf peralatan dan kelengkapan kepada Hospital Sungai Buloh, Selangor

TEMUDUGA PENERIMAAN BANTUAN PERNIAGAAN YAYASAN WAQAF MALAYSIA

PUTRAJAYA, 18 Ogos - Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM telah mengadakan satu sesi temuduga kepada 15 orang peserta daripada Program Latihan Keusahawanan Asnaf 2019 yang terdiri daripada Usahawan Asnaf Baitumal di bawah MAIWP. Temuduga ini telah diadakan di Bilik Perbincangan YWM. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memilih calon-calon yang layak untuk menerima bantuan perniagaan daripada YWM. Bagi melengkapkan sesi temuduga ini, seramai tiga orang panel telah dijemput terdiri daripada Encik Kamarunnizam Sahimi, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Baitulmal MAIWP, Encik Hairolanuar bin Mohamad, Pengarah Bahagian Wakaf JAWHAR dan Encik Abdul Halim Mat Yusop, Pengurus Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM). Daripada 15 orang calon yang di panggil untuk temuduga hanya 10 orang calon sahaja yang akan terpilih untuk menerima bantuan perniagaan sebanyak RM5,000.00 seorang berdasarkan penilaian dan tapisan yang telah dibuat oleh panel temuduga.



Gambar 27: Sebahagian gambar temuduga penerima bantuan perniagaan YWM

PENYERAHAN REPLIKA CEK SUMBANGAN DANA WAKAF TUNAI MALAYSIA KEPADA SAHAM WAKAF KELANTAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

PENGKALAN CHEPA, 3 September – JAKIM dan MAIK telah mengadakan Program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera yang dirasmikan oleh Yang Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz di Masjid As-Salam, Pengkalan Chepa yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Program yang berobjektifkan penghayatan Islam berasaskan syariah dan akhlak islami serta memantapkan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah turut mendapat kerjasama dari YWM dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Dalam majlis itu, YWM telah menyumbangkan RM10,000 bagi projek Pembinaan Pondok Bunut Payong yang disampaikan oleh YB Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) diiringi oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM kepada Yang Mulia Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam bin Tengku Abdul Aziz, Tengku Temenggong Kelantan merangkap Yang Dipertua MAIK.



Gambar 28: Sebahagian gambar Majlis Penyerahan Replika Cek Sumbangan Dana Wakaf Tunai Malaysia kepada Saham Wakaf Kelantan

PENYERAHAN MOCK CHEQUE BANTUAN PERNIAGAAN YWM

KUALA LUMPUR, 14 September - YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengurus YWM diiringi oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM telah menyampaikan sumbangan bantuan perniagaan YWM berjumlah RM50,000.00 kepada 10 orang usahawan asnaf Wilayah Persekutuan.

Bantuan perniagaan di bawah Program Bantuan Perniagaan dan Latihan Keusahawanan Asnaf YWM berjumlah RM5,000.00 bagi setiap individu ini merupakan inisiatif YWM untuk membantu usahawan terutama dari kalangan asnaf dan kumpulan B40 memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing melalui dana manfaat wakaf YWM serta dana tajaan daripada pihak-pihak lain.



Gambar 29: Sebahagian gambar penyerahan Mock Cheque Bantuan Perniagaan YWM

E. BUAL BICARA MEDIA ELEKTRONIK



Tarikh : 31 Mac 2020
Tajuk : Al-Musaadah Episod 3: Wakaf Bencana
Siaran : TV1



Tarikh : 14 April 2020
Tajuk : Al-Musa'adah Covid-19: Bantuan YWM
Siaran : Assalamualaikum- TV Al-Hijrah



Tarikh : 16 April 2020
Tajuk : Al-Musa'adah Covid-19: Bantuan YWM
Siaran : IKIMfm



Tarikh : 26 Oktober 2020
Tajuk : Riba Undang Bala
Siaran : Wacana Al-Quran Facebook Sinar Harian



Tarikh : 27 Oktober 2020
Tajuk : Bila Kehendak Melebihi Keperluan
Siaran : Wacana Al-Quran Facebook Sinar HarianSinar Harian



Tarikh : 27 Oktober 2020
Tajuk : "Dilema Tangan Kanan: Nak Bagi Ke Tak?"
Siaran : 60 minit Bersama - TV Al-Hijrah



Tarikh : 9 November 2020
Tajuk : Program Dana P.U.L.I.H
Siaran : Yayasan Waqaf Malaysia IKIMfm



Tarikh : 20 November 2020
Tajuk : Bajet 2021: Memperkasa Pengurusan Waqaf
Siaran : NASIONALfm



Tarikh : 25 November 2020
Tajuk : Pasca Belanjawan 2021: Hala Tuju Wakaf di Malaysia
Siaran : Assalamualaikum-TV Al-Hijrah



Tarikh : 3 Disember 2020
Tajuk : Matawang Sosial: Evolusi Ekonomi Baharu
Siaran : Wacana Al-Quran Facebook Sinar HarianSinar Harian

F. MAJLIS PELANCARAN

MAJLIS PELANCARAN WAKAF BANGUNAN DAN SAMBUTAN ULANG TAHUN YWM KE-12

KUALA LUMPUR, 27 Julai - YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi YWM telah melancarkan Sijil Wakaf Bangunan YWM bersempena dengan Ulang Tahun ke - 12 YWM. Sijil Wakaf Bangunan merupakan sijil wakaf yang diterbitkan ke atas bangunan yang dibeli oleh YWM dengan mendahuluikan dana lain selain dana wakaf. Sehingga kini, YWM telah membeli dua unit kedai pejabat yang terletak di Bangi Gateway, Selangor. Melalui dua unit kedai pejabat ini, YWM telah mewujudkan sebanyak 555,970 unit sijil dengan nilai setiap unit sijil adalah RM25.00. Setelah semua unit terjual, bangunan ini akan diserahkan kepada MAIS dan YWM akan diberi hak untuk menguruskan aset tersebut bagi suatu tempoh yang dipersetujui bersama antara YWM dan MAIS. Dalam masa yang sama, bangunan yang dibeli ini akan disewa kepada pihak lain dan hasilnya akan turut digunakan bagi tujuan kebajikan ummah.



Gambar 30: Sebahagian gambar Majlis Pelancaran Wakaf Bangunan dan Sambutan Ulang Tahun YWM ke-12

MAJLIS PELANCARAN TABUNG WAKAF TUNAI PERKHIDMATAN AIR

PUTRAJAYA, 17 Disember - Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan YWM telah dimeterai antara YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KASA dan YBrs. Prof. Madya Dr. Amir Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM sambil disaksikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengurus YWM dan YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air.

Tabung Wakaf Tunai Perkhidmatan Air atau 'Wakaf Air' merupakan inisiatif KASA melalui kerjasama YWM bertujuan menyediakan sumber pembiayaan alternatif projek-projek perkhidmatan air secara mudah, cepat dan mampan melalui instrumen wakaf. Wakaf Air merupakan skim berstruktur untuk membolehkan orang ramai melakukan ibadah wakaf dalam sektor perkhidmatan air yang sangat penting dalam kehidupan manusia.

Peringkat awal penggunaan dana Wakaf Air adalah bagi membayai projek-projek perkhidmatan air berskala kecil bernilai di bawah RM50,000.00. Sumbangan wakaf ini boleh disalurkan menerusi Sistem Wakaf Tunai Malaysia dan setiap sumbangan adalah layak mendapat potongan cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967, tertakluk kepada potongan yang boleh dituntut oleh individu adalah 7% dan syarikat 10% daripada pendapatan agregat.



Gambar 31: Sebahagian gambar Majlis Pelancaran Tabung Wakaf Tunai Perkhidmatan Air



LAPORAN AKTIVITI **UNDANG- UNDANG**



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL SURAT IKATAN AMANAH TAMBAHAN YWM

1. Perbincangan melibatkan ahli Jawatankuasa Teknikal Surat Ikatan Amanah Tambahan YWM (JKSIAT), wakil-wakil bahagian YWM serta Penasihat Undang-Undang (PUU) untuk meneliti dan menyemak draf SIA Tambahan yang disediakan oleh PUU YWM.
2. Matlamat mesyuarat JKSIAT ini adalah untuk:
 - a) Meneliti semua isu berkaitan Surat Ikatan Amanah YWM sepanjang tempoh penubuhan sehingga kini serta mencadangkan penambahbaikan terhadap draf SIA Tambahan YWM; dan
 - b) Mengesyorkan sebarang cadangan yang difikirkan wajar dan relevan terhadap draf SIA Tambahan YWM merujuk kepada perundangan sedia ada di Malaysia yang sedang berkuat kuasa.
3. Sepanjang tempoh JKSIAT berkuat kuasa sehingga tempoh dilanjutkan dan telah tamat pada 9 Oktober 2020 yang lepas, sebanyak lima kali mesyuarat telah diadakan sebagaimana berikut:

SIRI / BIL	TARIKH
Siri 1 Bil 1/2020	14 Januari 2020
Siri 2 Bil 2/2020	10 dan 11 Februari 2020
Siri 3 Bil 3/2020	6 Mac 2020
Siri 4 Bil 4/2020	5 Jun 2020
Siri 5 Bil 5/2020	26 dan 27 Ogos 2020

Jadual 11: Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Surat Ikatan Amanah Tambahan YWM



Gambar 32: Sebahagian gambar mesyuarat



Gambar 33: Sesi bergambar bersama ahli mesyuarat dan urusetia

“

Bandingan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.



(Al-Baqarah: 261)



LAPORAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN TETAP

Jumlah perjawatan tetap sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	KUMPULAN	JUMLAH PERJAWATAN	JUMLAH PENGISIAN	JUMLAH KEKOSONGAN
1	Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif	JUSA	1	1	0
		Pengurusan dan Profesional	1	1	0
		Pelaksana	1	1	0
2	Projek dan Pembangunan Perniagaan	Pengurusan dan Profesional	2	2	0
		Pelaksana	0	0	0
3	Penyelidikan dan Produk Wakaf	Pengurusan dan Profesional	3	2	1
		Pelaksana	0	0	0
4	Pemasaran dan Penyelarasian	Pengurusan dan Profesional	2	1	1
		Pelaksana	0	0	0
5	Kewangan dan Korporat	Pengurusan dan Profesional	1	1	0
		Pelaksana	3	3	0
6	Pengurusan Sumber Manusia	Pengurusan dan Profesional	2	2	0
		Pelaksana	4	4	0
JUMLAH KESELURUHAN		20	18	2	

Jadual 12: Jumlah perjawatan tetap sepanjang tahun 2020

PERJAWATAN KONTRAK DAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN

Jumlah perjawatan kontrak dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	KUMPULAN	JUMLAH PENGISIAN KONTRAK	JUMLAH PENGISIAN PSH
		JUSA	0	0
1	Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif	Pengurusan dan Profesional	0	1
		Pelaksana	0	0
2	Projek dan Pembangunan Perniagaan	Pengurusan dan Profesional	0	0
		Pelaksana	0	0
3	Penyelidikan dan Produk Wakaf	Pengurusan dan Profesional	0	0
		Pelaksana	0	0
4	Pemasaran dan Penyelarasaran	Pengurusan dan Profesional	0	0
		Pelaksana	4	0
5	Kewangan dan Korporat	Pengurusan dan Profesional	1	0
		Pelaksana	1	0
6	Pengurusan Sumber Manusia	Pengurusan dan Profesional	0	0
		Pelaksana	1	0
JUMLAH KESELURUHAN			7	1

Jadual 13: Jumlah Pegawai Kontrak dan Pekerja Sambilan Harian sepanjang tahun 2020

PELATIH INDUSTRI

PENGENALAN


Bagi tahun 2020, seramai dua pelajar Institusi Pengajian Tinggi telah menjalani latihan industri di YWM. Pelatih-pelatih ini ditempatkan di setiap bahagian YWM tertakluk kepada keperluan semasa.

BIL	NAMA	PUSAT PENGAJIAN	PENGKHUSUSAN	TARIKH LAPOR DIRI	TARIKH TAMAT	PENEMPATAN
1	Aflah bin Aminudin	USIM	Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Dengan Kepujian	03/02/2020	22/05/2020	BPP
2	Siti Khairina binti Zamanhuri	USIM	Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian	03/02/2020	22/05/2020	BPPW

Jadual 14: Jumlah Pelatih Industri di YWM sepanjang tahun 2020

JUMLAH HARI BERKURSUS PEGAWAI YWM

Program latihan dan kursus yang telah disertai pegawai dan kakitangan YWM (tidak termasuk PSH) bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:



Carta 23: Jumlah hari berkursus pegawai YWM

BIL. HARI	BIL. PEGAWAI
1 - 3	2 Orang
4 - 6	9 Orang
7 hari ke atas	14 Orang

Jadual 15: Jumlah hari berkursus pegawai YWM sepanjang tahun 2020

AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN

BENGKEL PEMERKASAAN FUNGSI-FUNGSI UTAMA YAYASAN WAQAF MALAYSIA & JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI

PENGENALAN

Program Bengkel Pemerkasaan Fungsi-Fungsi Utama YWM dan JAWHAR telah diadakan pada 10 hingga 12 Julai 2020 di Hotel Pantai Puteri (JAWHAR – MAIM), Tanjung Kling, Melaka.

OBJEKTIF


- a. Memastikan penubuhan YWM dan JAWHAR masih relevan dan selari dengan hasrat YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama);
- b. Mengadakan sesi perbincangan bagi memperkemaskan semula fungsi YWM dan JAWHAR;
- c. Menyenarai pendek cadangan aktiviti / projek berimpak tinggi yang boleh menjana pendapatan untuk pembangunan Ummah; dan
- d. Merangka pelan komunikasi YWM dan JAWHAR.



Gambar 34: Sebahagian gambar Bengkel Pemerkasaan Fungsi-Fungsi Utama Yayasan Waqaf Malaysia & Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

MAJLIS SAMBUTAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BAHRU

Pada 1 September 2020, Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu iaitu YBrs. Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin telah melapor diri di pejabat YWM. Sesi berkenalan bersama semua pegawai YWM dan anak syarikat telah diadakan di Bilik Mesyuarat YWM.



Gambar 35: Sebahagian gambar Majlis Sambutan Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu

SESI BACAAN YASIN DALAM KALANGAN KAKITANGAN YWM

Bacaan Yasin telah diadakan setiap hari Jumaat bagi mengeratkan hubungan antara kakitangan YWM. Pada hari berkenaan, KPE juga akan memberikan amanat berkenaan perancangan kepada kakitangan dalam meningkatkan prestasi serta pembangunan YWM.



Gambar 36: Sebahagian gambar bacaan Yaasin dalam kalangan kakitangan YWM

MAJLIS PERPISAHAN EKSEKUTIF BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PRODUK WAKAF YWM

YBrs. Dr. Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman mula berkhidmat di YWM pada 2 Ogos 2011. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau merupakan pekerja yang ceria, komited terhadap tugas serta disenangi oleh semua rakan sekerja. Beliau menamatkan perkhidmatannya berkuat kuasa pada 1 Disember 2020 dan meneruskan perkhidmatan sebagai pensyarah di Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Gambar 37: Sebahagian gambar Majlis Perpisahan Eksekutif Bahagian Penyelidikan dan Produk Wakaf YWM

MAJLIS PERPISAHAN PEMBANTU TADBIR BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YWM

Encik Mohd Wafiy bin Mohd Ghazali Lee mula berkhidmat di YWM pada 2 Januari 2018. Beliau menamatkan perkhidmatannya di YWM berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dan meneruskan perkhidmatan di sektor kerajaan.



Gambar 38: Sebahagian gambar Majlis Perpisahan Pembantu Tadbir Bahagian Pengurusan Sumber Manusia YWM

FAMILY DAY YAYASAN WAQAF MALAYSIA

14 - 16 Ogos 2020 - *Family Day* bersama pegawai YWM telah dilaksanakan di Pulau Perhentian, Terengganu. Program ini bertujuan merapatkan silaturahim antara pegawai serta dapat menikmati keindahan laut dan pantai.



Gambar 39: Sebahagian gambar *Family Day* YWM



LAPORAN **ANAK** **SYARIKAT**



PERBADANAN WAKAF NASIONAL BERHAD

PENGENALAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Penubuhan	Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer milik penuh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)
2.	Tarikh Penubuhan	2 Jun 2009
3.	Pemegang Saham	YWM (Modal Berbayar: RM300,000.00)
4.	Objektif Penubuhan (dilancarkan sebagai pelaksana Program Wakaf Korporat pada 14 Julai 2015)	<ul style="list-style-type: none"> a) Meningkatkan ekonomi Bumiputera Muslim berteraskan kepada Program Wakaf Korporat; b) Memperkuatkan pembangunan modal insan bagi pengurusan asset yang efektif; c) Mewujudkan sumber ekonomi baharu kepada Bumiputera Muslim; dan d) Meningkatkan pemilikan asset bukan kewangan Bumiputera Muslim
5.	Ahli Lembaga Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> a) YBhg. Tan Sri Dato' Hashim bin Meon - Pengurus (12 Ogos 2015 - kini) b) YBrs. Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin - Pengarah (23 Sept. 2020 - kini) c) YBrs. Dr. Mazlan bin Ahmad - Pengarah (23 Sept. 2020 - kini) d) YBrs. Encik Izhar bin Ahmad - Pengarah (23 Sept. 2020 - kini) e) YBhg. Dato' Prof. Dr. Sudin bin Haron - Pengarah (19 Jan. 2012 - 23 Sept. 2020)
6.	Setiausaha Syarikat	Tetuan Fareez Shah & Partners <ul style="list-style-type: none"> - Puan Intan Nabilaa binti Idrus (BC/I/310) - Encik Muhammad Fareez Shah bin Zainul Aberdeen (BC/M/2280)
7.	Juru Audit	Tetuan Azhar Noriza Zainuddin
8.	Ejen Cukai	ANZ Taxation Sdn. Bhd.
9.	Pelaporan Penyata Kewangan	Penyata Kewangan Beraudit Tahunan PWNB akan dilaporkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); b) Ejen Cukai c) Setiausaha Syarikat d) Pemegang Saham Syarikat
10.	Pinjaman	Tiada
11.	Geran	<ul style="list-style-type: none"> a) Geran program Francais Wakaf Mart daripada YWM sebanyak RM700,000.00 (diterima pada 26/9/2014); b) Geran penerbitan Buku '7 Pintu Asas Kefahaman Wakaf' daripada YWM sebanyak RM100,000.00 (diterima pada 8/4/2015); c) Geran Program Wakaf Korporat (program berakhir pada 31 Dis. 2020)

Jadual 16: Maklumat Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB)

LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI



YBHG. TAN SRI DATO' HASHIM BIN MEON

Tarikh berkhidmat: 12 Ogos 2015 - kini

Jawatan ketika pelantikan: Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM

PENGARAH



YBRS. PROF. MADYA DR. AMIR BIN SHAHARUDDIN

Tarikh berkhidmat: 3 September 2020 - kini

Jawatan ketika pelantikan: Ketua Pegawai Eksekutif YWM



YBRS. DR. MAZLAN BIN AHMAD

Tarikh berkhidmat: 23 Sept. 2020 – kini

Jawatan ketika pelantikan: Ahli JK Pelaburan & Kewangan YWM




YBRS. ENCIK IZHAR BIN AHMAD

Tarikh berkhidmat: 23 Sept. 2020 - kini

Jawatan ketika pelantikan: Ahli JK Pelaburan & Kewangan YWM

CARTA ORGANISASI



Carta 24: Carta organisasi PWNB

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH PWNB 2020

TARIKH	SIRI / BIL.	TEMPAT
24 April 2020	Siri 24 Bil. 1/2020	Sidang video (<i>Skype</i>)
3 Julai 2020	Siri 25 Bil. 2/2020	Bilik Mesyuarat YWM
6 Oktober 2020	Siri 26 Bil. 3/2020	Sidang video (<i>Google Meet</i>)
22 Oktober 2020	Siri 27 Bil. 4/2020	Sidang video (<i>Google Meet</i>)
18 Disember 2020	Siri 28 Bil. 5/2020	Sidang video (<i>Google Meet</i>)

Jadual 17: Mesyuarat Lembaga Pengarah PWNB 2020

MESYUARAT KHAS LEMBAGA PENGARAH PWNB 2020

TARIKH	SIRI / BIL.	TEMPAT
17 November 2020	Siri 11 Bil. 1/2020	Sidang video (<i>Google Meet</i>)

Jadual 18: Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PWNB 2020

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PWNB 2020

TARIKH	SIRI / BIL.	TEMPAT
3 Julai 2020	Kali ke-7	Bilik Mesyuarat YWM

Jadual 19: Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah PWNB 2020

LAIN-LAIN AKTIVITI PWNB SEPANJANG TAHUN 2020

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Perbincangan bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	21 Januari 2020	YWM
2.	Penyertaan ke Retreat Pemerksaan Fungsi-Fungsi Utama YWM dan JAWHAR	10 - 12 Julai 2020	Pantai Puteri Hotel, Melaka
3.	Pertemuan bersama SIRIM	30 September 2020	YWM
4.	Mesyuarat Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan YWM bersama kakitangan anak-anak syarikat YWM	2 November 2020	Sidang video (Zoom)
5.	Perbincangan bersama Tabung Haji	11 Disember 2020	Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur

Jadual 20: Lain-lain aktiviti PWNB sepanjang tahun 2020



Gambar 40: Sebahagian gambar mesyuarat

YWM-MAIN HOLDINGS SDN. BHD.

PENGENALAN

BIL		PERKARA
1	Penubuhan	Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat berhad menurut syer milik penuh YWM
2	Tarikh Penubuhan	9 Mei 2016
3	Saham / Pemegang Saham	YWM – Modal Berbayar RM500,000.00
4	Objektif Penubuhan	<ul style="list-style-type: none"> a) Sebagai sebuah platform kerjasama dan penyatuan kekuatan antara YWM dan MAIN dalam pembangunan ekonomi berlandaskan Islam; dan b) Meneroka peluang-peluang perniagaan yang dapat memberikan pulangan kepada syarikat serta membantu menjana ekonomi umat Islam.
5	Ahli Lembaga Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> a) YBrs. Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin - Pengerusi b) YBrs. Encik Abdul Halim bin Mat Yusop - Pengarah
6	Setiausaha Syarikat	Massa Associates Sdn. Bhd.
7	Juru Audit	Azhar Noriza Zainuddin
8	Ejen Cukai	ANZ Taxation Sdn. Bhd.
9	Pelaporan Penyata Kewangan	<p>Laporan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan akan dilaporkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); b) Ejen Cukai c) Setiausaha Syarikat d) Pemegang Saham Syarikat - YWM
10	Pinjaman	Tiada

Jadual 21: Maklumat YWM-MAIN Holdings Sdn. Bhd.

STRUKTUR ORGANISASI



Carta 25: Carta organisasi YWM-PWNB Holdings

AKADEMI KULINARI TERENGGANU

LATAR BELAKANG

- Dibangunkan oleh YWM di atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di Lot 2466, 2467 dan 2468 Mukim Pulau Kerengga, Daerah Marang, Terengganu;
- Peruntukan Bajet 2010 sebanyak RM2.5 juta;
- Kos latihan pelatih dibiayai menerusi dana zakat oleh MAIDAM dan penyediaan tenaga pengajar, sibus, pensijilan dan elaun bulanan disediakan oleh GIATMARA; dan
- Menawarkan kursus dalam bidang *Confectionary & Bakery* selama 6 bulan beserta asrama sepenuh masa kepada anak-anak asnaf negeri Terengganu.

SESI PEMBELAJARAN



Carta 26: Bilangan pelajar mengikut sesi

LAPORAN AKTIVITI PELATIH AKADEMI KULINARI TERENGGANU TAHUN 2020

Pendaftaran Pelatih

Seramai 14 orang pelatih sesi 14 Januari/2020 mendaftar di Akademi Kulinari Terengganu (AKT) pada 12 Januari 2020.



Majlis Tamat Latihan Pelatih Sesi September 2019

Pada 17 Januari 2020, pelatih sesi September 2019 yang menamatkan latihan pada 28 Februari 2020 telah mengadakan satu majlis tamat latihan di AKT dengan jemputan terdiri daripada pengurus GIATMARA Marang, kakitangan GIATMARA Marang dan warga AKT.



Minggu Haluan Siswa dan Minggu Usahawan Pelatih

Minggu Haluan Siswa dan Minggu Usahawan Pelatih diadakan pada 19 hingga 23 Januari 2020 dengan pelbagai slot daripada pihak MAIDAM, Ibu Pejabat Polis Daerah Marang, Penjara Marang, TEKUN Nasional, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pejabat MARA Daerah Marang, GIATMARA Marang dan Alumni AKT. Program ini memberi pendedahan kepada pelatih mengenai keusahawanan, bantuan kewangan, penjagaan kesihatan dalam masakan dan sebagainya.



Kursus Asas Pertahanan Awam

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) daerah Marang telah mengadakan kursus selama dua hari pada 12 dan 13 Februari 2020 bertempat di AKT bagi memberi latihan dan kaedah mengawal kebakaran serta latihan kecemasan kepada pelatih.



Kelas Agama PUJI

Guru pelawat daripada MAIDAM hadir setiap minggu bagi pengisian kelas keagamaan selama enam bulan dan diakhiri dengan peperiksaan pelatih. Kelas ini sesuai dengan hasrat YDP MAIDAM yang mahukan pelatih AKT bukan sahaja berjaya dalam bidang kemahiran penghasilan kek dan pastri, tetapi juga celik Al-Quran.



Latihan Amali

16 modul amali dan teori dipraktikkan kepada pelatih sebagai syarat kelayakan mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang *Confectionary and Bakery*. Modul tersebut merangkumi modul Keselamatan, Kebersihan, Peralatan, Biskut, *Dessert Panas*, Pastri, *Dessert Sejuk*, Kuih Melayu, Kek, Menghias Kek, *Continental*, Coklat, Minuman, Aiskrim, Roti dan Makanan *Frozen*.



Seminar Halal Bersama YaPEIM

Pihak pengurusan AKT telah mendapat jemputan daripada pihak GIATMARA dan YaPEIM bagi menghadiri Seminar Halal yang bertempat di GIATMARA Kuala Terengganu pada 8 Mac 2020. Seminar ini turut melibatkan alumni pelatih yang telah memulakan perniagaan. Program ini bertujuan membantu peserta mendaftarkan produk mereka bagi memperolehi sijil halal. Bagi program ini, pihak YaPEIM akan memantau prosedur permohonan peserta di samping membantu mereka memahami kepentingan sesuatu produk mendapat sijil halal.



Penyerahan Cek Replika Bantuan Musaadah Covid 19

Pada 1 Julai 2020, satu Majlis Penyerahan Replika Cek Bantuan Musaadah Covid-19 berjumlah RM26,300.00 oleh YWM telah diadakan di Bilik Mesyuarat MAIDAM. Replika cek diserahkan oleh Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM) kepada wakil AKT untuk diserahkan kepada semua pelatih dan alumni AKT yang turut terjejas sepanjang tempoh pandemik ini.



Perbincangan Penyerahan Pengurusan AKT Kepada MAIDAM

Setelah hampir lapan tahun beroperasi di bawah pengurusan YWM, Pengurusan AKT akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak MAIDAM. Perbincangan mengenai penyerahan ini turut diadakan di AKT pada 23 Jun 2020 yang dihadiri oleh pegawai MAIDAM diketuai oleh Encik Mohd Fauzi bin Muda, Ketua Penolong Setiausaha (Khidmat Pengurusan). Satu mesyuarat khas melibatkan penyerahan AKT pula diadakan pada 1 Julai 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat MAIDAM yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji M. Rozi bin Bidin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM. Turut terlibat ialah Encik Abdul Halim bin Mat Yusop, Pengurus Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan (menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif YWM), pegawai YWM, pegawai pegawai MAIDAM dan staf AKT.



Kemasukan Kembali Pelatih dalam Norma Baru

Setelah tamat tempoh PKP, pelatih dan kakitangan AKT dibenarkan kembali ke AKT dengan SOP yang ketat. Pihak GIATMARA telah memantau persediaan AKT bagi memastikan proses pembelajaran berjalan lancar, antaranya saringan suhu, pemakaian pelitup muka, penjarakkan sosial di dalam bengkel dan asrama, jadual pulang ke kampung dan pengesanan sistem berkomputer. Segala aktiviti dan program luar tidak dibenarkan dan peperiksaan akhir pelatih turut dibatalkan. Pelatih menamatkan sesi latihan pada bulan September 2020 tanpa perlu menjalani latihan praktikal manakala pendaftaran pelatih sesi Julai 2020 turut dibatalkan kerana sesi Januari 2020 berakhir pada September 2020.



Penyerahan AKT Kepada MAIDAM

Pengurusan AKT secara rasmi diserahkan kepada MAIDAM yang diurus tadbir oleh Yayasan Pendidikan MAIDAM (YPM) pada 31 Disember 2020.

“

Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya.

(Riwayat Muslim)



LAPORAN DAN **PENYATA KEWANGAN**



No. Pendaftaran : PPAB - 02/2008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Ahli Lembaga Pemegang Amanah :

Pengerusi	:	YB Senator Tuan Idris bin Ahmad
Naib Pengerusi	:	YBhg. Dato' Selamat bin Paigo
Ahli Lembaga Pemegang Amanah	:	YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman YBhg. Dato' Haji Osman bin Muda YBhg. Dato' Wira Syeikh Yahaya bin Jusoh YBhg. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman YH. Dato' Ahmad Hairi bin Hussain YB. Datuk Haji Md Rawi bin Mahmud YBrs. Dr. Nirwan bin Noh YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood YBrs. Tuan Haji Mohd Nazim bin Mohd Nor YBrs. Tuan Haji Zulkifly bin Ab Rahman YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin Dato' Haji Mustafa YBrs. Haji Zulkifly bin Haji Mohd Tahir YBrs. Encik Shahrul Azam bin Shaari YBrs. Encik Ramli bin Haji Awang Ali

Pejabat Berdaftar	:	Aras 8, Blok D Kompleks Islam Putrajaya Presint 3 62100 Putrajaya
-------------------	---	----------------------------------------------------------------------------

Juruaudit	:	Azhar Noriza Zainuddin [AF : 001865] No. 2-3, Jalan AU 1A/4C Taman Keramat Permai 54200 Kuala Lumpur
-----------	---	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Bank-bank Utama	:	Bank Islam Malaysia Berhad Bank Muamalat Malaysia Berhad CIMB Bank Berhad RHB Islamic Bank Berhad Maybank Islamic Berhad Hong Leong Islamic Bank Berhad Public Islamic Bank Berhad
-----------------	---	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

No. Pendafutan : PPAB - 02/2008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah membentangkan laporan mereka beserta penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Yayasan adalah membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam di dalam dan luar Negara bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan bagi menyempurnakan amanah Pewakaf dan demi kebajikan umat Islam keseluruhannya.

Penubuhan Yayasan adalah bagi membangunkan projek-projek komersial dan kebajikan demi memperkasakan ekonomi umat Islam di Malaysia selaras dengan prinsip Islam bagi menangani masalah ketidakseimbangan sosio-ekonomi secara progresif dan produktif khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku dalam aktiviti-aktiviti Yayasan dalam tahun kewangan semasa.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM	Yayasan RM
Kurangan pendapatan tahun kewangan semasa	(563,248)	(770,832)

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan semasa selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Pada pendapat Ahli Lembaga Pemegang Amanah, keputusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan semasa tidak terjejas oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa luarbiasa.

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:-

YB Senator Tuan Idris bin Ahmad	(Dilantik pada 30 Ogos 2021)
YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad	(Tamat perkhidmatan pada 16 Ogos 2021)
YBhg. Dato' Selamat bin Paigo	(Dilantik pada 14 Jun 2021)
YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman	(Dilantik pada 15 Mei 2020)
YBhg. Dato' Haji Osman bin Muda	(Dilantik pada 1 Jan 2021)
YBhg. Dato' Wira Syeikh Yahaya bin Jusoh	(Dilantik pada 1 Jan 2020)
YBhg. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman	(Dilantik pada 18 Sep 2020)
YH. Dato' Ahmad Hain bin Hussain	

No. Pendaftaran : P-PAB - 02/2008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH (SAMB.)

YB Datuk Haji Md Rawi bin Mahmud	(Dilantik pada 1 Julai 2020)
YBrs. Dr. Nirwan bin Noh	
YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar	
YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahmood	
YBrs. Tuan Haji Mohd Nazim bin Mohd Nor	
YBrs. Tuan Haji Zulkifle bin Ab Rahman	
YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin Dato' Haji Mustafa	(Dilantik pada 1 Julai 2020)
YBrs. Haji Zulkifly bin Haji Mohd Tahir	(Dilantik pada 1 Feb 2021)
YBrs. Encik Shahruh Azam bin Shaan	
YBrs. Encik Ramien bin Haji Awang Ali	
YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said	(Tamat perkhidmatan pada 13 Jun 2021)
YDH. Dato' Sri Haji Wan Abdul Wahid bin Wan Hassan	(Tamat perkhidmatan pada 15 Dis 2019)
YBhg. Dato' Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim	(Tamat perkhidmatan pada 31 Dis 2019)
YBhg. Datuk Haji Abdul Aziz bin Jusoh	(Tamat perkhidmatan pada 15 Dis 2019)
YB Datuk Mohd Sofi bin Abdul Wahab	(Tamat perkhidmatan pada 30 Jun 2020)
YB Dato' Haji Mohd Noh bin Ibrahim	(Tamat perkhidmatan pada 30 April 2020)
YBhg. Dato' Setia Jaya Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim	(Tamat perkhidmatan pada 31 Dis 2020)
YBrs. Encik Mohd Haidi bin Sulaiman	(Tamat perkhidmatan pada 31 Okt 2019)

MANFAAT LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Pada akhir tahun kewangan atau sepanjang tahun kewangan, tidak terdapat sebarang perjanjian yang membabitkan Yayasan dengan perkara-perkara yang membolehkan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan memperolehi faedah dengan cara memiliki saham-saham, atau debenut, di dalam Yayasan atau dalam badan-badan korporat yang lain.

Semenjak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan menerima atau berhak menenma apa-apa manfaat, (selain daripada manfaat yang termasuk dalam agregat ganjaran yang diterima atau belum diterima oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan atau gaji tetap sebagai pekerja sepanjang masa Yayasan seperti tercatat di dalam penyata kewangan) berikutkan perjanjian di antara Yayasan atau entiti yang berkaitan dengan mana-mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan atau dengan firma di mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan menjadi ahli, atau dengan entiti di mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan mempunyai kepentingan kewangan yang kelara.

GANJARAN LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Amaun ganjaran Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah terkini dan yang lalu yang terdiri daripada ganjaran yang diterima/belum diterima daripada Yayasan sepanjang tempoh kewangan dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar kepada para Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah sepanjang tahun kewangan.

No. Pendataran : PPAB - 02/2008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA

(Diperbadankan di Malaysia)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan disediakan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah:-
- (i) untuk memastikan bahawa undakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang-hutang lapuk dan penyediaan eluan bagi hutang-hutang ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui dan tiada peruntukan hutang ragu diperlukan; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang dijangka tidak boleh menghasilkan nilai seperti yang tercatat di dalam rekod penyata kewangan secara urusniaga biasa, telahpun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengelului tentang sebarang keadaan yang akan mengakibatkan:-
- (i) keperluan pemansuhan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu dibuat dalam penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan tidak mencukupi pada sebarang kadar yang ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa yang ditunjukkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang timbul akan mengakibatkan kaedah penilaian aset dan liabiliti yang digunakan oleh Kumpulan dan Yayasan, mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang akan mengakibatkan sebarang amaun yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-
- (i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Yayasan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin terhadap liabiliti orang lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka bagi Kumpulan dan Yayasan yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat Ahli Lembaga Pemegang Amanah:-
- (i) tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan (12) selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Kumpulan dan Yayasan untuk memenuhi liabilitinya bila dan apabila tiba masanya; dan
 - (ii) tidak ada perkara, urusniaga atau hal yang penting dan luarbiasa yang telah timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin akan menjelaskan dengan ketara kepulusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

No. Pendaftaran: PPAB - U22008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah amaun yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh juruaudit sebagai ganjaran untuk perkhidmatan mereka sebagai juruaudit dinyatakan dalam Nota 9 kepada penyata kewangan.

Tidak ada indemniti dan insurans yang diberi untuk juruaudit Yayasan sepanjang tahun kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, **AZHAR NORIZA ZAINUDDIN** telah menyatakan kesanggupan untuk menerima pertantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan.


YBhg. DATO' SELAMAT BIN PAIGO
Nombor Pengesuaian


YBhg. TAN SRI DATUK SHEIKH GHAZALI BIN
HAJI ABDUL RAHMAN
Ahli Lembaga Pemegang Amanah

Putrajaya, Malaysia

Tarikh: **23 SEP 2021**

No. Pendaftaran : PPAB - 02/2008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
(Dipelaburkan di Malaysia)

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Kami, YBhg. DATO' SELAMAT BIN PAIGO dan YBhg. TAN SRI DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, dua daripada Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, penyata kewangan yang disertakan adalah disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] dan Piawaiian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai:-

- (i) kedudukan urusan Kumpulan dan Yayasan pada 31 Disember 2020 dan keputusan operasi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) aliran tunai Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Ditandatangani bagi pihak Ahli Lembaga Pemegang Amanah menurut resolusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan,


YBhg. DATO' SELAMAT BIN PAIGO
Naib Pengurus


YBhg. TAN SRI DATUK SHEIKH GHAZALI BIN
HAJI ABDUL RAHMAN
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Putrajaya, Malaysia

Tarikh: **23 SEP 2021**

No. Pendataran : PPAB - 02/2008

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
(Diperbadankan di Malaysia)

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, PROF. MADYA DR. AMIR BIN SHAHARUDDIN, sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, dengan tulus ikhtiar dan menyatakan bahawa pernyataan kewangan yang disertakan, pada pendapat saya adalah benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkunun, 1860.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya
oleh penama di atas di Kuala Lumpur di Wilayah
Persekutuan pada }
} }
23 SEP 2021



PROF. MADYA DR. AMIR
BIN SHAHARUDDIN

Di hadapan saya,


Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur, Malaysia



NO. 57-2, JALAN WANGSA DELIMA 5
PUSAT BANDAR WANGSA MAJU (KLSC)
53300 KUALA LUMPUR



AZHAR NORIZA ZAINUDDIN
Chartered Accountants (AF 001865)

No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

Laporan audit menganai penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan YAYASAN WAQAF MALAYSIA, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 bagi Kumpulan dan Yayasan, penyata pendapatan komprehensif dan perbelanjaan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Yayasan bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 57.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Yayasan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 (Akta 258).

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian diuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* laporan juruaudit. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menjadi asas kepada pendapat audit kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika yang lain

Kami adalah bebas daripada Syarikat selaras dengan Undang-Undang Kecil (*Etika Profesional, Kolakuan dan Amalan*) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Kod Etika Antarabangsa Akauntan untuk Akauntan Profesional* (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Lain-lain maklumat daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang berkaitan dengannya

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab ke atas lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat terdiri daripada maklumat yang terdapat dalam Laporan Pemegang Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan serta laporan juruaudit mengenainya.

Pendapat kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan memberi sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca lain-lain maklumat yang dikenalpasti di atas dan dengan berbuat demikian, menimbangkan sama ada lain-lain maklumat itu tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya wujud kesilapan salah nyata secara material.



No. Pendaftaran : PPAB – 02/2008

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
YAYASAN WAQAF MALAYSIA (SAMB.)**

Laporan audit mengenai penyata kewangan (Samb.)

Lain-lain maklumat daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit yang berkaitan dengannya (Samb.)

Jika berdasarkan kerja yang telah kami lakukan pada lain-lain maklumat yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara mengenai lain-lain maklumat ini, kami dikehendaki untuk melaporkan kenyataan tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk melaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Pemegang Amanah Yayasan terhadap penyata kewangan

Para Pemegang Amanah Yayasan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan), 1952 [Akta 258] di Malaysia. Para Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman tertentu sebagaimana yang dilentukan oleh para Pemegang Amanah sebagai satu keperluan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Yayasan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

